



# KAJIAN PENGESANAN PELAJAR LEPASAN KOHORT PERTAMA PROGRAM PERMATA NEGARA DARI ASPEK AKADEMIK DAN PERKEMBANGAN HOLISTIK



**MONOGRAF**

YOHAN KURNIAWAN  
MOHD RAFI BIN YAACOB  
HISHAMUDDIN MD SOM  
NOOR RAIHANI BT ZAINOL  
NURSALIAH BINTI AHMAD RASTON  
SRISIUNI  
WAN SALIHIN WONG BIN ABDULLAH

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# MONOGRAF

**KAJIAN PENGESANAN PELAJAR LEPASAN KOHORT PERTAMA  
PROGRAM PERMATA NEGARA DARI ASPEK AKADEMIK DAN  
PERKEMBANGAN HOLISTIK**

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

**2020**

# **MONOGRAF**

## **KAJIAN PENGESANAN PELAJAR LEPASAN KOHORT PERTAMA PROGRAM PERMATA NEGARA DARI ASPEK AKADEMIK DAN PERKEMBANGAN HOLISTIK**

YOHAN KURNIAWAN  
MOHD RAFI BIN YAACOB  
HISHAMUDDIN MD SOM  
NOOR RAIHANI BT ZAINOL  
NURSALIAH BINTI AHMAD RASTON  
SRISIUNI  
WAN SALIHIN WONG BIN ABDULLAH

©PENERBIT NCDRC  
Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara  
2020

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

**KAJIAN PENGESANAN PELAJAR LEPASAN KOHORT PERTAMA PROGRAM PERMATA NEGARA DARI ASPEK AKADEMIK DAN PERKEMBANGAN HOLISTIK**

YOHAN KURNIAWAN  
MOHD RAFI BIN YAACOB  
HISHAMUDDIN MD SOM  
NOOR RAIHANI BT ZAINOL  
NURSALIAH BINTI AHMAD RASTON  
SRISIUNI  
WAN SALIHIN WONG BIN ABDULLAH

©PENERBIT NCDRC, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara  
No. ISBN:< 978-967-2484-13-4>

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by:*

PENERBIT NCDRC  
D/A PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA,  
KAMPUS SULTAN AZLAN SHAH,  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
35900 TANJONG MALIM, PERAK  
015- 48797137

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, samaada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada pengarang dan Penerbit NCDRC terlebih dahulu.

## KANDUNGAN

<b>Prakata</b>	<b>i</b>
<b>Abstrak</b>	<b>ii</b>
<b>Abstract</b>	<b>iii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	<b>8</b>
2.1 Latar Belakang Program Permata Negara	8
2.2 Pelaksanaan Kurikulum Permata Negara	10
2.2.1 Prinsip Kurikulum Permata Negara	12
2.2.2 Objektif Kurikulum Permata Negara	13
2.2.3 Indikator Kualiti Kurikulum Permata Negara	14
2.2.4 Reka Bentuk Kurikulum Permata Negara	15
2.2.5 Teori yang Melandasi Kurikulum Permata Negara	18
2.2.6 Nilai-nilai Murni Kurikulum Permata Negara	20
2.3 Kajian-kajian Lepas	22
2.3.1 Perkembangan Intelek dan Emosi Anak-anak Permata Negara	22
2.3.2 Kemahiran Berkomunikasi dan Perkembangan Holistik Anak-anak Permata Negara	25
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>27</b>
3.1 Tempat Kajian	27
3.2 Responden Kajian	27
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	29
3.4 Kaedah Pengukuran dan Penilaian Akademik	33
3.5 Analisis Data Kajian	36
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	<b>37</b>
4.1 Pendahuluan	37
4.2 Mengenalpasti Keberadaan dan Jumlah Pelajar Kohort Pertama yang Pernah Mengikuti Program Permata di Seluruh Negeri	37
4.3 Penilaian Tahap Prestasi Akademik di Sekolah Rendah dalam Kalangan Pelajar Kohort Pertama Program Permata	42
4.4 Perbandingan Tahap Prestasi Akademik di Sekolah Rendah Antara	

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

	Pelajar Kohort Pertama Program Permata dan Pelajar yang Tidak Pernah Mengikuti Program Permata	50
4.5	Penilaian Tahap Prestasi Kokurikulum di Sekolah Rendah dalam Kalangan Pelajar Kohort Pertama Program Permata	54
4.6	Perbandingan Tahap Prestasi Kokurikulum di Sekolah Rendah Antara Pelajar Kohort Pertama Program Permata dan Pelajar yang Tidak Pernah Mengikuti Program Permata	55
4.7	Penilaian Sifat Kepimpinan dan Tahap Emosi yang Dimiliki oleh Pelajar Kohort Pertama Program Permata	60
	4.7.1 Analisa Kebolehpercayaan	60
	4.7.2 Penilaian Sifat Kepimpinan yang Dimiliki oleh Pelajar Kohort Pertama Program Permata	61
	4.7.3 Penilaian Tahap Emosi Pelajar Kohort Pertama Program Permata	64
	<b>BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>67</b>
	5.1 Pendahuluan	67
	5.2 Rumusan	71
	5.3 Cadangan	73
	5.4 Kesimpulan	73
	<b>RUJUKAN</b>	<b>74</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>76</b>

### **Prakata**

Segala puji dan syukur bagi Tuhan yang telah memberikan nikmat kurniaan-Nya dan ilham untuk menyelesaikan monograf yang bertajuk "*Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik*" dengan sebaik-baiknya.

Monograf ini merupakan hasil kajian yang telah dijalankan susulan daripada Program PERMATA Negara, di bawah Geran Penyelidikan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), pada tahun 2017. Monograf ini mengupas mengenai penilaian dan perbandingan tahap prestasi akademik dan kokurikulum sepanjang persekolahan peringkat rendah kohort pertama program PAPN dan membandingkan kedua-dua tahap prestasi tersebut dengan pelajar yang tidak pernah mengikuti program PAPN. Selain itu, perincian kajian dilakukan dengan menilai sifat kepimpinan dan tahap emosi pelajar kohort pertama program PAPN. Penulisan monograf ini diharapkan dapat memberikan pemahaman dan mengungkap kekeliruan terhadap konsep, kesan dan nilai-nilai Program PERMATA Negara yang melibatkan pelajar dari seawal usia 0-6 bulan sehingga 4 tahun, seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam ruang yang terhad ini, penulis juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan yang menyumbang idea dan tenaga untuk menyiapkan monograf ini. Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak NCDRC dan pihak UPSI yang telah memberikan kepercayaan kepada pasukan penulis dalam menjalankan penyelidikan melalui kelulusan dana Geran Penyelidikan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) dan seterusnya kepada penerbit UPSI yang memberikan ruang dan peluang untuk menerbitkan monograf ini. Semoga pembaca mendapat manfaat dari buku ini.

Sekian, terima kasih.

*Yohan Kurniawan*

## ABSTRAK

Program PERMATA Negara menekankan pembentukan sahsiah pelajar sebagai kurikulum utama selain daripada membantu perkembangan kanak-kanak dari segi emosi, rohani, sosial, dan intelek dari seawal usia 0-6 bulan sehingga 4 tahun yang merangkumi 6 buah modul secara berperingkat. Pembinaan modul bagi kurikulum program ini juga selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara, dengan merujuk kepada kurikulum *Montessori*, kurikulum *Reggio Emilia*, Kurikulum *High Scope* (Amerika Syarikat), Kurikulum *Early Years Foundation Stages* (United Kingdom), dan kurikulum *Te Wariki* (New Zealand). Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai tahap prestasi akademik dan kokurikulum sepanjang persekolahan peringkat rendah kohort pertama program PAPN dan membandingkan kedua-dua tahap prestasi tersebut dengan pelajar yang tidak pernah mengikuti program PAPN. Selain itu, objektif kajian ini juga untuk menilai sifat kepimpinan dan tahap emosi pelajar kohort pertama program PAPN. Pemilihan responden kajian menggunakan kaedah *purposive sampling* yang terdiri daripada pelajar kohort pertama program PAPN dan pelajar yang tidak pernah mengikuti PAPN yang berada di sekolah yang sama dengan dengan responden, rakan-rakan sekelas, dan guru kelas. Pemilihan lokasi kajian dilakukan di 1) Pusat Anak Permata Negara (PAPN) yang pertama ditubuhkan di Semenanjung Malaysia iaitu PAPN Mempaga dan PAPN Chini (Pahang), PAPN Kepala Batas (Pulau Pinang), PAPN Putrajaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya), dan PAPN Subang Jaya (Selangor); dan 2) Sekolah rendah responden. Teknik analisis data dalam kajian ini menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) yang dikumpulkan melalui data dokumentasi dan temubual, manakala kaedah pengukuran dan penilaian akademik melalui prestasi akademik, prestasi kokurikulum, sifat kepimpinan dan keadaan emosi pelajar. Analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah data kuantitatif yang menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan keputusan analisis deskriptif dan analisis perbezaan. Program PERMATA Negara adalah suatu program yang baik untuk meletakkan dasar kemahiran holistik kanak-kanak, yang memerlukan jangka masa yang panjang dan kurikulum lanjutan untuk memastikan keberkesanan program tersebut. Ini juga dapat membantu dalam memastikan pembelajaran yang berterusan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu rendah dan menengah.



### **ABSTRACT**

*The National PERMATA Program emphasizes the formation of students' character as the main curriculum besides helping to develop children in terms of emotionally, spiritually, socially, and intellectually from early stages of 0-6 months up to 4 years, which encompass 6 modules in every stage. The construction of the module for the program curriculum is also in line with the National Education Philosophy based on the principles of Rukun Negara (National Principles), with reference to the Montessori curriculum, Reggio Emilia curriculum, High Scope curriculum (United States), Early Years Foundation Stages curriculum (United Kingdom), and Te Wariki curriculum (New Zealand). The main objective of this study is to assess the level of academic performance and co-curriculum throughout the first cohort low-level schooling of the PAPAN program and compare both levels of performance with students who have never attended the PAPAN program. In addition, the objective of this study is to assess the leadership qualities and emotional levels of the first cohort students of the PAPAN program. The respondents of the study were selected using the purposive sampling method, which consisted of the first cohort students of the PAPAN program and the students who had never attended PAPAN in the same school as the respondents, classmates, and class teachers. The location of the study was conducted at 1) The first Permata Nasional Center (PAPAN) established in Peninsular Malaysia namely PAPAN Mempaga and PAPAN Chini (Pahang), PAPAN Kepala Batas (Pulau Pinang), PAPAN Putrajaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya), and PAPAN Subang Jaya (Selangor); and 2) low school respondents. The data analysis techniques used in this study were survey methodology collected through documentation and interview data, while academic performance measurement and evaluation through academic performance, co-curriculum performance, leadership qualities and emotional state of the students. The data analysis used in this study was quantitative data using SPSS software to obtain descriptive analysis and differential analysis. The National PERMATA Program is a good program for laying the holistic skills of children, which takes a long time and extended curriculum to ensure the effectiveness of the program. This can also help in ensuring continuous learning to higher levels of low and middle.*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Program Permata Negara adalah sebuah program asuhan dan didikan awal kepada pelajar yang menawarkan pendekatan alternatif dalam bidang asuhan dan didikan awal khusus untuk pelajar di bawah umur 4 tahun (Permata, 2015). Ia merupakan satu pendekatan proaktif dalam usaha untuk menangani masalah sosial di kalangan remaja dan belia. Idea ini telah dikonsepsi pada tahun 2004/2005 oleh sekumpulan pakar yang diketuai oleh YAB Timbalan Perdana Menteri (pada masa itu). Idea ini seterusnya direalisasikan dengan penubuhan Majlis Penyelarasan Dasar Permata Negara dan Jawatankuasa Kerja Dasar Permata Negara pada April 2006.

Program Permata Negara mula dilaksanakan secara berperingkat mulai akhir tahun 2006 dan pada tahun 2007 sebanyak 5 buah Pusat Anak Permata Negara (PAPN) telah ditubuhkan di Subang Jaya, Kepala Batas, Mempaga, Chini dan Putrajaya sebagai projek perintis bagi melaksanakan kurikulum Permata Negara. Untuk membangunkan kurikulum Permata Negara dan juga untuk menjalankan penyelidikan ke atas pembangunan asuhan awal pelajar serta memberi latihan kepada guru, sebuah Pusat Penyelidikan Perkembangan Pelajar Kebangsaan (NCDRC) telah ditubuhkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (Permata, 2015).

Program Permata Negara memiliki beberapa ciri keistimewaan diantaranya teknik pembelajaran yang telah dirancang untuk dilaksanakan bersesuaian dengan tahap perkembangan dan kebolehan pelajar mengikut tahap umur mereka, pendekatan yang berfihakkan pelajar bagi merangsang proses pembelajaran yang berkesan berdasarkan 6 bidang pembelajaran secara seimbang dan holistik, kemudahan fizikal dan peralatan pembelajaran berkualiti yang memenuhi keperluan kurikulum dan sesuai dengan peringkat umur pelajar bagi membolehkan pelajar mendapat hasil pembelajaran yang optimum, dan penglibatan ibu bapa, komuniti dan pelbagai agensi secara bersepadu dalam konteks pengasuhan, kesihatan, pemakanan dan kaunseling (Permata, 2015).

Kurikulum pendidikan yang digunakan dalam program Permata Negara adalah berbeza daripada kurikulum pendidikan di sekolah pendidikan awal lain kerana ianya memberi penekanan kepada pembangunan pelajar secara holistik dalam aspek kemahiran kognitif, sosio-emosi, komunikasi dan fizikal (Permata, 2015). Teknik pembelajaran dalam program Permata iaitu dengan merangsang minda pelajar dengan kaedah meneroka, mencuba dan mengalami melalui aktiviti permainan (Permata, 2015). Kaedah ini dapat mewujudkan persekitaran yang sesuai dan menyeronokkan bagi pelajar oleh kerana itu teknik pembelajaran yang digunakan dalam program Permata Negara mengambil kira aspek-aspek seperti pembinaan hubungan emosional, kasih sayang, rasa selamat dan keyakinan diri; melalui sentuhan dan belaian; melalui berkawan dan sosial; belajar melalui percubaan dan penerokaan; membina minat membaca dan berfikir sejak dari awal; merangsang kemahiran matematik dan pemikiran secara logik (Permata, 2015).


## 1.2 Pernyataan Masalah

Program permata negara merupakan sebuah program asuhan dan didikan awal kepada pelajar di bawah umur 4 tahun dengan menggunakan pendekatan alternatif yang menekankan kepada pembinaan keupayaan pelajar dengan merangsang minda dengan menggunakan kaedah yang bersifat penerokaan, mencuba dan mengalami sendiri. Konsep pembelajaran permata negara ini dipercayai sebagai sebuah pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dan menyeronokkan bagi pelajar kerana sesuai dengan fitrah semulajadi pelajar.

Permasalahan yang wujud di kalangan ibubapa dan guru adalah tidak diketahui secara pasti tahap keberkesanan program ini dalam meletakkan dasar yang kukuh kepada proses pembelajaran pelajar diperingkat yang lebih tinggi. Salah satu ukuran seorang pelajar memiliki dasar pembelajaran yang kukuh adalah tahap stabiliti prestasi pembelajarannya berupa prestasi akademik dan kokurikulum.

Permasalahan lain adalah tidak diketahuinya kesan program Permata Negara ini kepada perkembangan holistik pelajar. Pada masa kini belum diketahui apakah konsep program Permata Negara ini boleh memberi kesan atau tidak kepada penubuhan karakteristik kepimpinan dan stabiliti emosi pelajar. Adakah program Permata Negara ini memberi tekanan atau memberi kesan tertentu kepada perkembangan emosi pelajar selepas beberapa tahun tamat mengikuti program Permata Negara?

Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik



Rajah 1. Kesan program Permata Negara kepada pencapaian akademik dan perkembangan diri secara holistik dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Berdasarkan Rajah 1 di atas permasalahan yang wujud adalah mampukah program Permata Negara meletakkan dasar pembelajaran yang kukuh bagi pelajar yang mengikuti program tersebut? Dasar pembelajaran yang kukuh ini diukur berdasarkan stabiliti pencapaian prestasi akademik dan kokurikulum pelajar semasa berada di sekolah rendah. Permasalahan lain adalah kesan program ini kepada perkembangan diri pelajar secara holistik. Perkembangan diri pelajar secara holistik diukur daripada kewujudan sikap kepimpinan, dan stabiliti emosinya. Kesan program Permata Negara secara holistik kepada pelajar masih belum diketahui pada masa kini, adakah kaedah

pembelajaran dalam program Permata Negara menyebabkan pelajar merasa tertekan dan terbeban dalam belajar? Walaupun prestasi akademik mereka baik tetapi mereka dalam keadaan tertekan, hal ini menyebabkan pelajar tersebut memiliki kesihatan mental yang tidak sihat. Adakah program tersebut dapat membantu perkembangan pelajar secara holistik atau hanya sebahagian aspek sahaja?

### **1.3 Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti keberadaan dan jumlah pelajar kohort pertama yang pernah mengikuti program Permata Negara di seluruh negeri.
2. Menilai tahap prestasi akademik selama di sekolah rendah dalam kalangan pelajar kohort pertama program PAPN.
3. Membandingkan tahap prestasi akademik dan kokurikulum selama di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama dan pelajar yang tidak pernah mengikuti program PAPN.
4. Menilai tahap prestasi kokurikulum selama di sekolah rendah dalam kalangan pelajar kohort pertama program PAPN.
5. Membandingkan tahap prestasi kokurikulum selama di sekolah rendah dalam kalangan pelajar kohort pertama dan pelajar yang tidak pernah mengikuti program PAPN.
6. Menilai sifat kepimpinan yang dimiliki oleh pelajar kohort pertama program PAPN.
7. Menilai tahap emosi pelajar kohort pertama program PAPN.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Apakah pelajar yang pernah mengikuti Program Anak Permata Negara (PAPN) memiliki prestasi pencapaian akademik yang stabil sejak darjah 1 sehingga darjah 6 selama berada di sekolah rendah?
2. Apakah pelajar yang pernah mengikuti Program Anak Permata Negara (PAPN) memiliki prestasi pencapaian akademik yang stabil dan lebih baik berbanding pelajar yang tidak pernah mengikuti program ini selama berada di sekolah rendah?
3. Apakah pelajar yang pernah mengikuti Program Anak Permata Negara (PAPN) memiliki prestasi pencapaian kokurikulum yang stabil sejak darjah 4 sehingga darjah 6 selama berada di sekolah rendah?
4. Apakah pelajar yang pernah mengikuti program Permata Negara memiliki prestasi pencapaian kokurikulum yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak pernah mengikuti program ini sejak darjah 4 sehingga darjah 6 ketika berada di sekolah rendah?
5. Apakah pelajar kohort pertama PAPN mampu menunjukkan sifat kepimpinan yang baik semasa di sekolah rendah?
6. Apakah pelajar kohort pertama PAPN mampu menunjukkan keadaan emosi yang baik semasa di sekolah rendah?

#### **1.5 Kepentingan kajian**

Kajian yang dijalankan memberi maklumat penting berkaitan keberkesanan konsep pengajaran program Permata Negara dalam meletakkan dasar pembelajaran yang kukuh dan kesannya kepada perkembangan holistik pelajar. Kaedah pembelajaran yang kukuh ini akan membantu NCDRC dan negara membangunkan generasi muda yang pintar dan memiliki perkembangan diri yang bersifat holistik.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Latar Belakang Program Permata Negara**

Idea ini telah diwujudkan oleh sekumpulan pakar yang diketuai oleh YAB Timbalan Perdana Menteri (pada ketika itu) pada tahun 2004/2005. Idea ini telah direalisasikan dengan penubuhan Majlis Penyelarasan Dasar Permata Negara dan Jawatankuasa Kerja Dasar Permata Negara pada April 2006. Ia merupakan satu pendekatan yang proaktif dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja dan belia.

Sebuah Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan atau National Child Development Research Centre (NCDRC) telah ditubuhkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang bertujuan untuk membangunkan kurikulum Permata Negara dan juga untuk menjalankan penyelidikan yang berkaitan. Badan ini juga bertanggungjawab dalam menyediakan dan memberikan latihan kepada pendidik dan jurulatih Permata.

Pada 21 Jun 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan dasar komprehensif dan holistik berkenaan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang dikenali sebagai "Setiap Anak Permata Negara", sebagai landasan asas misi nasional ke arah membangunkan modal insan berjiwa murni dan mempunyai minda kelas pertama. Untuk membangun, memantap dan menyelaras dasar tersebut serta melaksanakan Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak yang dikenali sebagai Program Permata Negara, sebuah



sekretariat telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri.

Projek Perintis Permata Negara telah dilaksanakan di lima buah Pusat Anak Permata Negara (PAPN) pada Mei 2007 dengan menggunakan Kurikulum Permata Negara. Pusat-pusat tersebut terletak di Putrajaya, Subang Jaya, Kepala Batas, Chini dan juga Mempaga. Pusat-pusat ini adalah lima buah pusat yang terawal ditubuhkan di bawah Program Permata Negara. Projek perintis ini telah dilaksanakan selama 18 bulan dan hasil penemuannya telah dibentangkan di dalam beberapa seminar dan seterusnya dibentangkan di Kabinet. Hasil daripada projek perintis ini menunjukkan perkembangan kanak-kanak dari segi sahsiah, emosi, sosial dan intelek yang amat menyerlah dan lebih baik daripada kanak-kanak yang sebaya dengan mereka yang tidak mengikuti Program Permata Negara.

Oleh kerana hasil yang memberangsangkan, kerajaan telah membuat keputusan untuk memperluaskan lagi Program Permata Negara dan mengarahkan pelaksanaannya ke semua Taska di bawah kerajaan antaranya Taska Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Taska Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Taska Tempat Kerja dan Taska Komuniti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Taska Keluarga di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu. Kerajaan juga telah memberikan peruntukan sebanyak RM20 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-9 untuk perluasan Program Permata Negara di bawah agensi-agensi berkenaan.

Jemaah Menteri Malaysia telah meluluskan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan pada 24 Oktober 2008 yang memperuntukan penglibatan pihak-pihak lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Pusat Penyelidikan Perkembangan

Kanak-kanak Kebangsaan yang terletak di Universiti Pendidikan Sultan Idris (NCDRC), Kementerian Kesihatan dan Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA) di Jabatan Perdana Menteri supaya mengambil langkah-langkah yang telah digariskan bagi memastikan pelaksanaan Kurikulum Permata Negara berjalan dengan sempurnanya (*Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2008 [P.U.(A) 170/2008]*).

Satu penyelidikan yang menyeluruh telah dijalankan pada tahun 2010 oleh Jawatankuasa Teknikal Kurikulum dan Penyelidikan bertujuan untuk menentukan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Kurikulum Permata Negara oleh semua agensi yang terlibat. Hasil daripada penyelidikan tersebut telah dibentangkan di dalam sebuah seminar yang dihadiri oleh pihak-pihak yang terlibat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan Kurikulum Permata Negara oleh agensi-agensi berkenaan telah dijalankan dengan efisien dan berkesan. Hasil penyelidikan menunjukkan perkembangan kanak-kanak Permata meningkat dengan menggunakan Kurikulum Permata Negara. Ibu bapa sangat berpuas hati dengan perkembangan anak-anak mereka dan menyokong bahawa Kurikulum Permata Negara adalah sebuah kurikulum yang berkualiti dan anak-anak mereka telah mendapat faedah yang sangat besar daripadanya.

## **2.2 Pelaksanaan Kurikulum Permata Negara**

Kurikulum Permata Negara telah disemak dan diperbaiki pada tahun 2008 sebelum digunapakai oleh semua PAPN, Taska KEMAS, JPNIN, Taska di Tempat Kerja, Taska Komuniti dan Taska Keluarga YPKT. Pada tahun 2012, semakan kedua telah dilakukan bertujuan untuk mengintegrasikan aspek pengasuhan bayi dan kanak-kanak serta kemahiran pengurusan Taska yang terkandung dalam Kursus Asas Asuhan

Kanak-kanak (KAAK) ke dalam Kurikulum Permata Negara. Dengan adanya penekanan dalam aspek pengasuhan dan penjagaan bayi dan kanak-kanak, maka Kurikulum Permata edisi ke-3 ini boleh dianggap lengkap dan menyeluruh.

Latihan untuk diberikan kepada pendidik/pengasuh juga telah dikaji semula dan seterusnya mewujudkan sebuah modul latihan yang lengkap. Kursus pendidik/pengasuh Permata yang ditawarkan mulai tahun 2013 mengandungi sebahagian besar daripada komponen asas yang diambil daripada Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Untuk melayakkan mereka berkhidmat di Taska Permata, mulai 2013, setiap pendidik/pengasuh perlu memiliki Sijil Kursus Permata.

Kurikulum Permata Negara telah menggunakan pendekatan belajar melalui bermain yang memberi penekanan terhadap suasana keseronokan dan keselesaan semasa bermain, kebebasan meneroka dan mengeksperimen, peluang berinteraksi bersama rakan, pendidik dan ibu bapa yang menggalakkan kemahiran sosial yang sihat serta menekankan pembentukan sahsiah yang baik dan konsep sendiri yang positif. Tujuannya adalah untuk membantu perkembangan kanak-kanak dalam semua aspek seperti sahsiah, emosi, kerohanian, intelek, fizikal serta kreativiti. Aktiviti penjagaan, pengasuhan dan pendidikan Permata disediakan untuk semua peringkat umur kanak-kanak, dari umur lahir sehinggalah umur 4 tahun. Bayi seawal usia 3 bulan juga boleh diterima untuk dijaga dan diasuh di Taska Permata.

Kurikulum Permata Negara menyediakan modul-modul pembelajaran khusus mengikut peringkat umur kanak-kanak. Untuk kanak-kanak yang berumur 0-6 bulan, 6-12 bulan, 1-2 tahun, 2-3 tahun dan 3-4 tahun, terdapat sebanyak 6 buah modul pembelajaran Permata dan terdapat modul tambahan bagi kanak-kanak yang berumur 4

tahun yang mempunyai kebolehan melebihi umurnya. Modul ini menyediakan aktiviti pembelajaran tambahan untuk pengayaan.

Kurikulum Permata Negara memberi penekanan terhadap latihan mengurus diri semasa berada di taska. Kanak-kanak akan dilatih dan diajar untuk menguruskan diri sendiri seperti makan, mandi, pergi ke tandas, memakai pakaian, menggosok gigi, menyikat rambut dan mengambil barang mainan sendiri dengan bantuan pendidik/penolong pengasuh. Melalui kaedah ini, kanak-kanak belajar berdikari dan berdisiplin. Aspek kebersihan dan juga keselamatan diri adalah amat penting untuk diterapkan di dalam diri setiap kanak-kanak. Amalan lain yang wajar disebut ialah mengenai penekanan terhadap pemakanan dan amalan gaya hidup sihat di kalangan kanak-kanak. Justeru itu, diharapkan kanak-kanak yang dilahirkan daripada program Permata Negera ini bakal menjadi warga Negara Malaysia yang terbaik dari aspek peribadi, ceria, bijaksana dan juga berakhlak mulia.

### **2.2.1 Prinsip Kurikulum Permata Negara**

Antara prinsip-prinsip Kurikulum Permata Negara adalah seperti berikut:

- i. Setiap kanak-kanak mempunyai potensi yang sangat unik yang perlu dihormati, dikembangkan dan disanjung.
- ii. Tiga tahun pertama dalam kehidupan kanak-kanak adalah fasa yang sangat kritikal (mengikut kajian neurosains), terutamanya dalam pembentukan sahsiah, membina kemahiran-kemahiran sensorimotor dan intelek.
- iii. Kanak-kanak secara semulajadi gemar meneroka, mencuba, mengeksperimen dan juga mencipta, oleh itu, cara yang terbaik untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak adalah dengan aktiviti bermain

dalam suasana dan persekitaran yang ceria, selesa, menggembirakan, mengupayakan, selamat dan penuh kasih sayang.

- iv. Menggunakan amalan dan sumber pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak, menggunakan bahan-bahan dalam persekitaran mereka, bersesuaian dengan budaya tempatan, berintegrasi teknologi dan jaringan global.
- v. Persekitaran pembelajaran yang ceria, mesra, mengupayakan dan merangsangkan, dalaman dan luaran yang selamat kepada kanak-kanak.
- vi. Kerjasama dengan ibu bapa/keluarga dan komuniti menjadi teras penting dalam menentukan kejayaan kurikulum Permata Negara.
- vii. Menghormati hak asasi, agama dan budaya kanak-kanak, normal dan yang berkeperluan khas.

### **2.2.2 Objektif Kurikulum Permata Negara**

Tujuan objektif ini adalah untuk menyediakan garis panduan kepada pendidik untuk menjalankan aktiviti pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Membina emosi, akhlak dan spiritual kanak-kanak untuk melahirkan individu-individu yang bersahsiah mulia, tenang, ceria, bersopan santun, penyayang, berempati serta adil.
- ii. Membina kemahiran interpersonal dan sosial yang baik untuk membolehkan kanak-kanak bergaul dalam masyarakat pelbagai budaya.
- iii. Membimbing kanak-kanak untuk menguasai kemahiran awal berbahasa, berkomunikasi dan literasi dalam Bahasa Melayu, Bahasa Ibunda dan Bahasa Inggeris.
- iv. Mendidik kanak-kanak supaya mengamalkan pemakanan yang sihat

serta gaya hidup yang sihat, kebersihan dan juga keselamatan diri.

- v. Melatih kanak-kanak supaya menguruskan diri sendiri sehingga mereka yakin, mampu berdikari serta mampu membuat keputusan berdasarkan kebolehan diri.
- vi. Membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran motor kasar dan motor halus dan perkembangan fizikal yang mapan.
- vii. Mengasah kemahiran awal matematik dan pemikiran logik kanak-kanak serta keupayaan mereka menumpukan perhatian.
- viii. Membantu kanak-kanak memahami dunia persekitaran melalui aktiviti bermain, meneroka, mencuba idea baru, mengeksperimen dan mencipta, sama ada di dalam atau di luar kelas dengan menggunakan pelbagai bahan yang terdapat dalam persekitaran mereka.
- ix. Membina hubungan positif dengan ibu bapa, komuniti dan pihak-pihak berkenaan yang boleh menyumbang kepada pendidikan dan kesejahteraan kanak-kanak.

### **2.2.3 Indikator Kualiti Kurikulum Permata Negara**

Indikator yang boleh diambil kira untuk tujuan menentukan kualiti Kurikulum Permata Negara adalah seperti berikut:

- i. Kanak-kanak aktif dan terlibat dalam aktiviti pembelajaran.
- ii. Matlamat yang ingin dicapai jelas dan difahami oleh semua pihak.
- iii. Kurikulum adalah berasaskan penyelidikan.
- iv. Menggunakan pedagogi belajar melalui bermain, meneroka, mengeksperimen, mengalami, membaca, bercerita, menyanyi dan lain-lain secara bebas atau terancang.
- v. Kurikulum yang komprehensif dan bersesuaian dengan perkembangan

kanak-kanak.

- vi. Ada standard piawaian (SOP Permata) untuk mengawal selia kurikulum.
- vii. Penaksiran perkembangan kanak-kanak dibuat melalui pelbagai teknik yang menggambarkan prestasi kanak-kanak yang sebenar.
- viii. Terdapat sistem sokongan yang jelas yang membolehkan ibu bapa, agensi dalam komuniti, masyarakat tempatan dan pihak kerejaan untuk terlibat di Taska.
- ix. Membina kehidupan kanak-kanak yang sihat, selamat dan sejahtera.

#### **2.2.4 Reka bentuk Kurikulum Permata Negara**

Kurikulum Permata Negara dibentuk berasaskan penelitian yang mendalam terhadap pelbagai penyelidikan yang dijalankan sama ada di dalam ataupun di luar Negara. Selain itu, ia juga mengambil kira kajian dan tinjauan yang telah dilakukan ke atas beberapa Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak yang telah dilaksanakan di negara-negara maju di dunia. Di samping itu, ia juga direkabentuk berdasarkan teori dan falsafah yang mantap, yang mengintegrasikan kepelbagaian budaya dan agama selaras dengan suasana kepelbagaian kaum di Malaysia. Matlamatnya adalah bersifat global dan futuristik agar dapat menghasilkan generasi baru yang mampu menempatkan Malaysia di mercu tinggi dan setara dengan negara-negara maju di dunia.

Kurikulum Permata Negara juga telah dipastikan agar selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan berlandaskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Semasa proses pembinaannya, pihak-pihak yang terlibat dalam menggubal kurikulum tersebut telah mengkaji dan melihat beberapa model kurikulum awal kanak-kanak negara maju serta program asuhan dan didikan

awal yang telah dilaksanakan dengan berjaya di luar negara. Antara kurikulum yang menjadi rujukan ialah:

i. Kurikulum Montessori:

- Fokus kepada kemahiran deria dan motor.
- Menggunakan kaedah pembelajaran secara *hands-on* dan deria; kurikulum berpusatkan kanak-kanak.
- Persekitaran terancang.
- Ibu bapa digalakkan terlibat bertujuan untuk memastikan wujudnya kesinambungan pembelajaran di rumah.

ii. Kurikulum *Reggio Emilia*:

- Fokus dalam memberi peluang kepada kanak-kanak untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.
- Menggunakan pendekatan projek berasaskan inisiatif kanak-kanak.
- Memberi penekanan terhadap persekitaran semulajadi di mana pendidik adalah pasangan kanak-kanak.
- Memberi penekanan terhadap penglibatan ibu bapa secara aktif.

iii. Kurikulum *HighScope* (Amerika Syarikat):

- Mengfokuskan kepada pembinaan keyakinan diri dan *self-esteem* kanak-kanak.
- Menggunapakai konsep pembelajaran aktif, berpusatkan kanak-kanak.
- Meneroka persekitaran semula jadi.
- Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membangunkan



kurikulum dan pengajaran.

iv. Kurikulum *Early Years Foundation Stage* (EYFS) (United Kingdom):

- Fokus kepada anak sebagai individu unik, hubungan positif, persekitaran mengupayakan, pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak.
- Menggunakan kaedah belajar melalui bermain.
- Persekitaran mengupayakan kanak-kanak.

v. Kurikulum *Te Whariki* (New Zealand):

- Fokus kepada perkembangan individu melalui pengupayaan untuk melahirkan kanak-kanak yang yakin dan berdikari.
- Menekankan penggunaan teknologi dan jalinan keluarga/komuniti untuk membantu kanak-kanak belajar. Fokus pembelajaran ialah membina '*learning stories*'.
- Persekitaran yang mengupayakan dan mengutamakan teknologi.
- Memberi penekanan terhadap hubungan di antara ibu bapa dan komuniti untuk membantu pembelajaran kanak-kanak.

Kurikulum Permata Negara mempunyai beberapa persamaan dengan kurikulum yang disebutkan di atas, terutamanya dalam memberi penekanan kepada kombinasi antara aspek jagaan, asas asuhan dan penggarapan elemen pendidikan, merangsang perkembangan holistic kanak-kanak, pendekatan belajar melalui bermain, penyediaan persekitaran yang kondusif dan selamat serta kerjasama ibu bapa dan komuniti.

Setiap negara mempunyai perspektif tersendiri dari segi budaya, norma

sosial masyarakat dan kualiti modal insan yang mereka mahukan. Begitu juga dengan Malaysia. Kurikulum Permata Negara menegaskan supaya aspek pembentukan sahsiah kanak-kanak diberikan perhatian utama, selain membantu kanak-kanak berkembang dari segi emosi, rohani, sosial dan intelek. Program Permata Negara ini diharapkan dapat melahirkan modal insan yang cemerlang dari segala aspek seperti rohani, emosi, sosial, fizikal serta intelek di samping mempunyai jati diri yang mapan, resilien dan berdaya saing sama ada di peringkat tempatan mahupun global.

#### **2.2.5 Teori yang Melandasi Kurikulum Permata Negara**

Teori merupakan idea yang terhasil melalui penyelidikan. Idea ini diuji berulang kali melalui penyelidikan dan dibuktikan benar malainkan terdapat teori lain yang boleh menolaknya. Sebelum sebarang idea diterima, ia akan diperdebatkan oleh ahli-ahli pemikir dalam bidang berkenaan sehingga dianggap mantap dan diterima sebagai sebuah teori.

Perlaksanaan Kurikulum Permata dianggap berkesan sekiranya para pendidik memahami teori-teori yang berkaitan dengan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Perbinaan Kurikulum Permata berlandaskan kepada beberapa teori yang bersesuaian dengan keperluan perkembangan kanak-kanak di Malaysia. Ia dinamakan teori elektrik atau teori integratif. Teori ini menggabungkan beberapa teori dan pandangan tokoh-tokoh serta perspektif agama (Islam, Buddha, Hindu dan Fahaman Confucious) untuk melahirkan satu susunan aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan acuan Malaysia. Kurikulum ini kelak dapat diterima sebagai satu kurikulum kebangsaan oleh semua. Antara teori dan falsafah yang digunapakai oleh kurikulum Permata adalah:

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

- Pembentukan sahsiah dan tingkah laku:
  - Teori Psikologi Sosial (Erik Erikson)
  - Teori Perapatan (Bowlby)
  
- Perkembangan sosial:
  - Teori Pembelajaran Sosial (Bandura dan Vygotsky)
  
- Perkembangan intelek:
  - Teori Perkembangan Intelek (Piaget dan Vygotsky)
  
- Kecerdasan dan potensi kanak-kanak:
  - Teori Kepelbagaian Kecerdasan (Gardner)
  
- Kepentingan kolaborasi ibu bapa dan komuniti dan system sokongan:
  - Teori Sistem Ekologikal (Bronfenbrenner)
  
- Pengaruh budaya:
  - Dari pandangan Islam, Confucius, Buddha dan Hindu

### **2.2.6 Nilai-nilai Murni Kurikulum Permata Negara**

Kurikulum Permata Negara juga menekankan penerapan nilai-nilai murni yang berkaitan dengan diri, masyarakat, negara dan alam sekitar, bersesuaian dengan nilai-nilai murni yang dipegang oleh bangsa dan negara kita. Antara nilai-nilai murni tersebut adalah:

- i. Kepercayaan kepada tuhan
  - o Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan-Nya berlandaskan prinsip Rukun Negara.
- ii. Keyakinan diri
  - o Kanak-kanak digalakkan supaya berdisiplin dan melakukan sesuatu tugas dengan sendiri tanpa bergantung kepada orang dewasa.
- iii. Baik hati
  - o Kanak-kanak diajar supaya mengambil berat terhadap perasaan orang lain dan belajar untuk memaafkan orang lain.
- iv. Berani
  - o Kanak-kanak sanggup melakukan perkara yang mencabar seperti mencuba aktiviti baru dan menghadapi situasi yang biasanya menakutkan kanak-kanak (seperti tempat gelap, bunyi guruh, masuk ke tandas sendiri dan sebagainya).
- v. Rajin
  - o Kanak-kanak digalakkan tekun dalam menyiapkan sesuatu tugas yang diberikan dan berusaha melakukan sesuatu perkara

secara berterusan.

vi. Hormat

- Kanak-kanak diajar supaya menghormati ibu bapa, pendidik, orang dewasa, rakan-rakan, adik-beradik dan semua orang. Mereka juga diajar supaya menghormati bendera Malaysia, lagu Negaraku, peraturan dan undang-undang.

vii. Kasih sayang

- Kanak-kanak diajar supaya sayangkan diri sendiri, Tuhan, ibu bapa, ahli keluarga, kawan-kawan, pendidik, tumbuh-tumbuhan, haiwan, buku, alat permainan, harta awam dan cintakan negara.

viii. Berbudi bahasa

- Kanak-kanak diajar supaya mengucapkan terima kasih, menjawab salam, meminta izin, bercakap dengan lemah lembut tanpa menjerit atau menyampuk, bercakap ikut giliran dan sebagainya.

ix. Jujur

- Kanak-kanak diajar supaya bercakap benar, mengakui kesalahan dan membuat kerja tanpa mengharapkan upah atau balasan.

x. Daya tahan diri (resilien)

- Kanak-kanak digalakkan untuk sentiasa mencuba, cekal dan tidak mudah berputus asa.

xi. Bertanggungjawab

- Kanak-kanak dipupuk dengan rasa tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, rakan-rakan, barang kepunyaan dan alat

mainan.

Nilai-nilai murni ini diterapkan melalui aktiviti bermain dan rutin harian kanak-kanak. Para pendidik digalakkan mempelbagaikan kaedah penerapan yang dianggap bersesuaian dengan nilai-nilai tersebut.

## **2.3 Kajian-kajian Lepas**

Satu penyelidikan yang menyeluruh telah dijalankan pada tahun 2010 oleh Jawatankuasa Teknikal Kurikulum dan Penyelidikan bertujuan untuk menentukan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Kurikulum Permata Negara oleh semua agensi yang terlibat. Hasil daripada penyelidikan tersebut telah dibentangkan di dalam sebuah seminar yang dihadiri oleh pihak-pihak yang terlibat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan Kurikulum Permata Negara oleh agensi-agensi berkenaan telah dijalankan dengan efisien dan berkesan. Hasil penyelidikan menunjukkan perkembangan perkembangan kanak-kanak Permata meningkat dengan menggunakan Kurikulum Permata Negara. Ibu bapa sangat berpuas hati dengan perkembangan anak-anak mereka dan menyokong bahawa Kurikulum Permata Negara adalah sebuah kurikulum yang berkualiti dan anak-anak mereka telah mendapat faedah yang sangat besar daripadanya.

### **2.3.1 Perkembangan Intelek dan Emosi Anak-anak Permata Negara**

Hasil kajian yang lalu mendapati seramai 85 peratus pelajar yang mengikuti program Permata Berjaya mencapai kemahiran pra-sains berbanding 50 peratus pelajar yang tidak mengikuti program Permata Negara. Manakala, dalam kajian yang berlainan, mendapati seramai 84 peratus pelajar yang

mengikuti program Permata Negara Berjaya mencapai perkembangan emosi yang baik berbanding 42 peratus pelajar yang tidak mengikuti program Permata Negara. Kajian ini mendapati bahawa program Permata Negara Berjaya membentuk personaliti pelajar yang tenang dan terkawal, stabil, ceria, mesra, penyayang, dan berkeyakinan diri.

Berdasarkan penjelasan di atas diketahui bahawa program Permata Negara mempunyai kaedah pembelajaran yang cukup lengkap termasuk melatih tahap kepintaran (IQ) dan kematangan emosional pelajar. Penyelidikan yang dijalankan oleh NCDRC, UPSI mendapati kaedah pendidikan program Permata Negara memberi kesan yang signifikan kepada perubahan sikap dan mental pelajar. Walaupun hasil kajian mendapati kesan yang positif daripada program Permata Negara ini, akan tetapi masih kurang kajian tahap keberkesanan program Permata Negara untuk jangka panjang dan juga tahap keberkesanan program ini kepada pelajar ketika berada dalam tahap pendidikan yang lebih tinggi (sekolah menengah, sekolah menengah dan universiti).

Kesan konsep pembelajaran program Permata Negara dapat dilihat daripada prestasi pembelajaran dan keadaan mental pelajar pra-sekolah ini ketika berada diperingkat pendidikan yang lebih tinggi iaitu sekolah menengah.

Selain kesan program Permata Negara kepada prestasi pembelajaran pelajar, penting juga untuk melihat kesannya kepada kesihatan mental mereka. Kesihatan mental pelajar yang pernah mengikuti program Permata Negara dapat dilihat daripada perkembangan emosional mereka. Menurut Chaplin (1989) (dalam Utami, 1992) dalam "*Dictionary of Psychology*" mendefinisikan emosi sebagai suatu keadaan yang berupa perubahan-perubahan yang disadari dan

mendalam sifatnya dari perubahan perilaku. Chaplin (1989) membezakan antara emosi dengan perasaan, dan dia mendefinisikan perasaan (feeling) adalah pengalaman yang disadari dan diaktifkan oleh perangsang eksternal mahupun oleh bermacam-macam keadaan jasmaniah.

Menurut Lefrancois emosi adalah perasaan psikologikal (jiwa) dan fisiologikal (kehidupan), dalam tindak balas seseorang terhadap sesuatu perkara yang berkaitan keperluan dan kehendak peribadi seseorang individu (group\_9, 2010). Definisi tersebut menunjukkan cara seseorang bereaksi atau memaparkan reaksi emosi terhadap keperluan dan kehendak dirinya sendiri. Emosi kegembiraan, kemarahan, kerisauan, ketakutan dan tindak balas emosi yang lain serta memfokuskan kepada tumpuan kanak-kanak terhadap aspek-aspek penting dalam kehidupan mereka dan membantu pelajar mengembangkan idea-idea baru, matlamat dan perancangan.

Pendidikan emosi juga diajarkan dalam kurikulum program Permata Negara dan hasil kajian yang dijalankan oleh NCDRC, UPSI mendapati pelajar yang mengikuti program Permata Negara mempunyai perkembangan emosi yang lebih baik daripada pelajar yang tidak mengikuti program ini. Akan tetapi kajian kesan program Permata Negara ini kepada perkembangan emosi untuk jangka masa panjang masih kurang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa perkembangan emosi pelajar semasa mengikuti program Permata Negara ini adalah baik, akan tetapi belum dikaji tentang kesan emosi untuk jangka masa 1 sehingga 6 tahun atau lebih selepas mengikuti program tersebut, adakah wujud kesan negatif terkait emosi pelajar seperti perasaan tertekan, emosi tidak stabil, kemurungan dan sebagainya selepas beberapa tahun mengikuti program Permata Negara? Perkara ini penting untuk dikaji kerana perkembangan emosi



pelajar dapat memberi kesan kepada prestasi belajarnya semasa di peringkat persekolahan yang lebih tinggi (sekolah menengah, sekolah menengah, dan universiti).

### **2.3.2 Kemahiran Berkomunikasi dan Perkembangan Holistik Anak-anak Permata Negara**

Hasil kajian yang lepas mendapati seramai 80 peratus pelajar yang mengikuti program Permata Negara dapat menggunakan ayat penuh dan benar berbanding 51 peratus pelajar yang tidak mengikuti program Permata Negara. Manakala, dalam kajian lain, seramai 72 peratus pelajar Permata Negara dapat menggunakan bahasa ekspresi dan bercerita berbanding 60 peratus pelajar yang tidak mengikuti program Permata Negara. Tambahan pula, dalam satu kajian lain, seramai 80 peratus pelajar yang mengikuti program Permata Negara bersifat mesra, mudah bergaul atau berkawan, berkongsi mainan, mengikuti arahan dan menunggu giliran berbanding pelajar yang tidak mengikuti program Permata Negara. Selain itu, seramai 85 peratus pelajar yang mengikuti program Permata lebih pandai mengurus diri sendiri berbanding 60 peratus pelajar yang tidak mengikuti program Permata Negara dan anak-anak Permata Negara didapati lebih berdisiplin dan suka bersalaman dengan orang lain berbanding pelajar yang tidak mengikuti program ini.

Menurut pakar psikologi, personaliti kanak-kanak sudah terbentuk sebelum mereka mencapai umur 5 tahun. Pengalaman awal serta persekitaran di mana mereka dibesarkan memainkan peranan penting dalam mencorakkan personaliti mereka. Menurut penyelidik-penyelidik psikologi dan pendidikan awal kanak-kanak, personaliti yang terbentuk di peringkat awal mampu berkekalan sehingga dewasa. Oleh yang demikian, jika ibu bapa mahu anak-anak mereka mempunyai personaliti yang baik,

mulia, positif dalam perhubungan dan pengurusan diri, berdaya maju, bijak berkomunikasi serta pandai menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan, maka berilah mereka pendidikan dan pengalaman awal yang berkualiti.

Pada umur 3 tahun pertama, perkembangan otak kanak-kanak dianggap kritikal. Pada peringkat umur ini, berlakunya perkembangan asas kanak-kanak dan sebahagian daripadanya dikatakan akan kekal sehingga dewasa. Saintis menganggarkan bahawa menjelang umur tiga tahun, kanak-kanak telah menghubungkan sebanyak 1000 trilion sel otak, kira-kira dua kali ganda penjarangan yang ada dalam minda orang dewasa. Menjelang umur 10 tahun, minda kanak-kanak dikatakan sebagai "superdense" atau sangat tepu dengan maklumat. Bermula usia 11 tahun, ia akan membuang jaringan-jaringan yang dianggap kurang sesuai dan keanak-anakan dan proses ini dipanggil sebagai "pruning" ataupun mencantas. Jaringan yang tinggal hanyalah jaringan-jaringan yang berkesan dalam pembinaan asas pemikiran yang kukuh dan matang.

Oleh itu, kanak-kanak perlu diberikan peluang untuk mengikuti program pembelajaran awal yang berkualiti. Mereka yang mendapat asuhan dan didikan awal yang baik dijangka akan membesar menjadi individu yang cerdas minda, kreatif, mempunyai keyakinan diri serta memiliki personaliti yang ceria dan positif.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Tempat Kajian**


1. Kajian ini akan dijalankan di Pusat Anak Permata Negara (PAPN) pertama di Semenanjung iaitu:
  - a. PAPN di Mempaga, Pahang
  - b. PAPN di Chini, Pahang
  - c. PAPN di Kepala Batas, Pulau Pinang
  - d. PAPN di Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya
  - e. PAPN di Subang Jaya, Selangor
  
2. Sekolah rendah yang memiliki pelajar kohort pertama program PAPN:
  - a. Sekolah rendah di negeri Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Maklumat sekolah rendah yang mana pelajar kohort pertama melanjutkan pembelajarannya akan diperolehi daripada PAPN atau tadika tempat mereka belajar dahulu atau Jabatan Pelajaran Negeri.

### 3.2 Responden Kajian

Pemilihan responden kajian menggunakan kaedah *purposive sampling* iaitu pemilihan responden berdasarkan ciri-ciri khas yang dimiliki responden dan bersesuaian dengan tujuan penyelidikan. Responden kajian adalah:

1. Pelajar kohort pertama program PAPN.
2. Pelajar yang tidak pernah mengikuti PAPN dan berada dalam sekolah yang sama dengan pelajar kohort pertama PAPN. Pelajar yang tidak pernah mengikuti PAPN dibezakan menjadi:
  - a. Pelajar yang tidak pernah masuk taska (dijaga oleh ibubapa sendiri).
  - b. Pelajar yang mengikuti taska kerajaan.
  - c. Pelajar yang mengikuti taska swasta.
  - d. Pelajar yang mengikuti taska di rumah (*home schooling*).
3. Rakan-rakan sekelas pelajar kohort pertama program PAPN.
4. Guru kelas pelajar kohort pertama PAPN di sekolah rendah. Jika boleh, guru kelas pelajar kohort pertama semasa di PAPN dan tadika akan ditemubual untuk mengetahui sifat kepimpinan dan keadaan emosi responden.

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik



Rajah 1 Kaedah mendapatkan dan mengenalpasti responden kajian

Berdasarkan Rajah 1 di atas diketahui bahawa pengkaji akan mengenalpasti jumlah dan keberadaan pelajar kohort pertama program Permata Negara daripada LIMA (5) PAPAN kohort pertama. Pada masa yang sama, pengkaji akan berjumpa dengan pelajar-pelajar tersebut dan mendapatkan data perkembangan diri secara holistik. Kaedah ini memberi keuntungan kepada kajian ini berupa jumlah responden kajian yang mencukupi dan menjimatkan masa serta kos pengumpulan data.

Jumlah responden kajian bergantung kepada pelajar kohort pertama program Permata Negara yang berjaya ditemui oleh pengkaji di lapangan nanti. Jangkaan jumlah responden lebih kurang 30 – 50 pelajar.

### 3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian diperoleh melalui survei dan dikumpulkan menggunakan:

1. Data Dokumentasi

- Dokumentasi data berupa markah prestasi akademik dan kokurikulum di PAPN, tadika dan sekolah rendah.

2. Temubual berstruktur untuk mengenalpasti sifat kepimpinan dan stabiliti emosi.

Temubual berstruktur yang dibangunkan melibatkan item-item yang meliputi:

- Kewujudan sifat dan keterampilan kepimpinan.
  - Data temubual ini bertujuan untuk mengenalpasti kewujudan karakteristik dan pengalaman responden dalam aktiviti kepimpinan.
- Keadaan emosi pelajar.
  - Data temubual ini bertujuan untuk mengenalpasti keadaan emosi pelajar mengukur perasaan tertekan, perasaan selesa, mudah marah, kesukaran mengawal perasaan, dan sebagainya.

Jadual 1 Kaedah pengumpulan data kajian

No	Objektif kajian	Kaedah pengumpulan data	Sumber data/instrumen kajian	Analisis data
1	Mengenalpasti keberadaan dan jumlah pelajar kohort pertama yang pernah mengikuti program Permata	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mendapatkan maklumat daripada PAPN berhubung nama tadika dan atau sekolah rendah</li></ul>	Maklumat daripada guru atau pengurus di lima (5) PAPN.	Deskriptif

Kajian Pengesanan Pelajar Lepasan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

	Negara di seluruh negeri.	<p>tempat pelajar kohort pertama meneruskan pembelajarannya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapatkan maklumat daripada tadika, yang mana pelajar kohort pertama ini pernah belajar disana selepas selesai proses pembelajaran di PAPN.</li> </ul>		
2	Menilai tahap prestasi akademik selama di sekolah rendah dalam kalangan pelajar kohort pertama program PAPN.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berdasarkan maklumat prestasi akademik yang diperolehi daripada PAPN, dan sekolah rendah (semasa kini) daripada darjah 1-6. Keterangan: Pada awal pengumpulan data, pengkaji akan menilai berapa ramai pelajar kohort pertama yang tidak ditemui data prestasi akademik semasa di PAPN</li> <li>Dilakukan perbandingan data prestasi akademik responden semasa di sekolah rendah daripada darjah 1 sehingga 6.</li> <li>Dilakukan penilaian dan analisis apakah terjadi perubahan</li> </ul>	Laporan kemajuan akademik semasa di PAPN, tadika dan sekolah rendah semasa kini.	<p>Deskriptif Perbezaan (<i>Repeated measure ANOVA</i>)</p> <p>Analisis kemajuan ini melibatkan prestasi akademik pelajar kohort pertama sejak darjah 1-6, apakah terdapat peningkatan atau penurunan yang signifikan; atau stabil?</p>

Kajian Pengesanan Pelajar Lepasan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

		atau stabil. Apabila terjadi perubahan, apakah terjadi peningkatan atau penurunan pada setiap tahun pengajaran selama responden tersebut berada di sekolah rendah.		
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membandingkan tahap prestasi akademik selama di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama dan pelajar yang tidak pernah mengikuti program PAPN.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membandingkan prestasi akademik pelajar kohort pertama PAPN semasa darjah 1 sehingga darjah 6 dengan prestasi akademik pelajar yang tidak pernah masuk taska.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Buku laporan kemajuan akademik darjah 1 sehingga 6 pelajar kohort pertama PAPN dan pelajar bukan PAPN.</li> </ul>	Perbezaan (t-test, pair test) Analisis ini melibatkan prestasi akademik pelajar kohort pertama PAPN dan pelajar yang tidak pernah mengikuti taska sejak darjah 1-6.
4	Menilai tahap prestasi kokurikulum selama di sekolah rendah dalam kalangan pelajar kohort pertama program PAPN.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai prestasi kokurikulum pelajar kohort pertama PAPN semasa darjah 4 sehingga darjah 6. Perbandingan ini bertujuan untuk mengenalpasti perubahan prestasi kokurikulum pelajar kohort pertama PAPN.</li> </ul>	Buku laporan kemajuan kokurikulum pelajar kohort pertama PAPN	Deskriptif



Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membandingkan tahap prestasi kokurikulum selama di sekolah rendah dalam kalangan pelajar kohort pertama dan pelajar yang tidak pernah mengikuti taska.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membandingkan prestasi kokurikulum pelajar kohort pertama PAPN semasa darjah 4 sehingga darjah 6 dengan prestasi kokurikulum pelajar yang tidak pernah mengikuti taska.</li> </ul>	Buku laporan kemajuan akademik sekolah	Perbezaan ( <i>independent t-test</i> )
6	Menilai sifat kepimpinan yang dimiliki oleh pelajar kohort pertama program PAPN.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Data sifat kepimpinan diperolehi menggunakan kaedah: <ul style="list-style-type: none"> <li>Temubual berstruktur</li> <li>Maklumat daripada guru kelas</li> <li>Maklumat daripada rakan-rakan sekelas</li> </ul> </li> <li>Contoh soalan sifat kepimpinan: <ul style="list-style-type: none"> <li>Pernahkah menjadi ketua kumpulan atau ketua pasukan untuk menyelesaikan suatu tugas?</li> <li>Apakah responden memiliki kemampuan mengarahkan rakan-rakannya untuk menyelesaikan suatu tugas?</li> </ul> </li> </ul>	<p>Hasil temubual berstruktur dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelajar kohort pertama PAPN.</li> <li>Guru kelas di sekolah rendah.</li> <li>Rakan-rakan sekelas semasa di sekolah rendah.</li> </ul> <p>Berdasarkan maklumat markah aspek jawatan disandang dalam borang penilaian kokurikulum.</p> <p>Hasil pengamatan semasa di sekolah dan semasa dilakukan temubual berstruktur.</p>	Deskriptif : Min

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

7	Menilai tahap emosi pelajar kohort pertama program PAPAN.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Data keadaan emosi diperolehi menggunakan kaedah:             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Temubual berstruktur</li> <li>- Maklumat daripada guru kelas</li> <li>- Maklumat daripada rakan-rakan sekelas</li> </ul> </li> <li>• Contoh soalan keadaan emosi:             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bagaimanakah sikap responden ketika mendapatkan tekanan?</li> <li>- Apakah responden mudah marah?</li> </ul> </li> </ul>	<p>Hasil temubual berstruktur dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelajar kohort pertama PAPAN.</li> <li>- Guru kelas di sekolah rendah.</li> <li>- Rakan-rakan sekelas semasa di sekolah rendah.</li> </ul> <p>Hasil pengamatan semasa di sekolah dan semasa dilakukan temubual berstruktur.</p>	Deskriptif : Min
---	---	---	--	------------------

### 3.4 Kaedah Pengukuran dan Penilaian Akademik

#### 1. Prestasi akademik

Pengukuran prestasi akademik menggunakan buku laporan kemajuan prestasi pembelajaran yang dikeluarkan oleh pihak sekolah sejak darjah 1 sehingga darjah 6. Apabila memungkinkan, laporan prestasi pembelajaran semasa di PAPAN dan tadika juga akan diambil kira. Kaedah pengukuran dan penilaian prestasi akademik yang dikeluarkan oleh pihak sekolah berdasarkan panduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

2. Prestasi kokurikulum

Kaedah penilaian prestasi kokurikulum berdasarkan panduan daripada pihak KPM dengan rincian seperti di bawah ini.

**PANDUAN PENILAIAN AKTIVITI KOKURIKULUM**

**Aspek Penilaian**  
Penilaian aktiviti kokurikulum seseorang murid/pelajar dalam setiap jenis aktiviti yang disertai adalah berdasarkan kepada empat aspek yang memperuntukkan markah seperti berikut:

ASPEK PENILAIAN	PERATUS MARKAH
Kehadiran	50
Jawatan Disandang	10
Penglibatan	20
Pencapaian	20
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

1. **Markah Aspek Kehadiran (50%)**  
Penetapan kehadiran minimum murid/pelajar adalah 42 kali setahun dengan pecahan seperti berikut:

ASPEK PENILAIAN	BILANGAN KEHADIRAN
Pasukan Badan Beruniform	18
Kelab/Persatuan	12
Sukan/Permainan	12

**Kiraan Markah Tahun Semasa (GPA)**  
Murid/pelajar akan dinilai dalam dua bidang terbahagi kepada tiga bidang penggabungan iaitu Pasukan Badan Beruniform, Kelab/Persatuan dan Sukan/Permainan. Walau bagaimanapun bagi pelajar yang mengahiri Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada tahun semasa, program ini merupakan pilihan keempat.

5. **Gred Penilaian:**

GREDE	MARKAH
A	80 - 100
B	60 - 79
C	40 - 59
D	20 - 39
E	0 - 19

6. **Contoh Pengiraan Markah Tahun Semasa (GPA):**

9.1 **Kegiatan Pasukan Badan Beruniform**

ASPEK PENILAIAN	PRESTASI	MARKAH
a. Kehadiran	Perlu (10/10)	50
b. Jawatan Disandang	Asli Asst	04
c. Penglibatan	Menghadiri Jambori Pengakap Peringkat Negeri	14
d. Pencapaian	Ketiga Kawad Kaki Peringkat Negeri	12
<b>JUMLAH</b>		<b>80</b>

9.2 **Kegiatan Kelab/Persatuan**

ASPEK PENILAIAN	PRESTASI	MARKAH
a. Kehadiran	Perlu (10/10)	42
b. Jawatan Disandang	AJK Pasukan Senang	05
c. Penglibatan	Menyerta Semula Penulisan Sajak Peringkat Negeri	14
d. Pencapaian	Naib Johan Pertandingan Bahas Ala Partimen Antara Kelas	07
<b>JUMLAH</b>		<b>68</b>

**RUMUSAN PENILAIAN TAHUNAN KOKURIKULUM**

Nama: Enik Nurul Hafizah Tahun: 2015  
No. KP: 1-201526-05-01-0-3 Tingkatan 1: LEAPS

**PASUKAN BADAN BERUNIFORM - Sukan dan Permainan Kelab Bola**

ASPEK PENILAIAN	PRESTASI	MARKAH
a. Kehadiran	10/10 ke 1/15	50
b. Jawatan Disandang	Abilatif	4
c. Penglibatan	Berminat sekolah	8
d. Pencapaian	-	0
<b>JUMLAH MARKAH</b>		<b>62</b>

Nama Guru Pemimpin: Enik Nurul Hafizah Bin Yusoff  
Tandatangan: [Signature]  
Tarikh: 20/9/2015

2.3 **Kelab/Persatuan / Sukan/Permainan / Seni Belle Diri**

JAWATAN	MARKAH
Pengerusi / Presiden / Naib Pengerusi / Ketua Pasukan Sukan/Permainan / Ketua Rumah	10
Timbalan Pengerusi / Naib Pengerusi	08
Seliasah / Bendahari	07
Penolong Seliasah / Penolong Bendahari	06
Asst Jawatankuasa	05
Asst Asst	04
Asst Biasa	01

3. **Markah Aspek Penglibatan (20%)**

PERINGKAT PENGLIBATAN	MARKAH
Sekolah	08
Zon / Daerah / Bahagian	11
Negeri	14
Kebangsaan	17
Antarabangsa	20

4. **Markah Aspek Pencapaian (20%)**

PERINGKAT PERTANDINGAN	MARKAH
Sekolah	Johan: 08, Naib Johan: 07, Ketiga: 06
Zon / Daerah / Bahagian	11, 10, 09
Negeri	14, 13, 12
Kebangsaan	17, 16, 15
Antarabangsa	20, 19, 18

2. **Markah Aspek Jawatan Disandang (10%)**  
Tempah / memegang jawatan yang layak diberi markah mestilah sekurang-kurangnya selama 9 bulan.

2.1 **Pasukan Badan Beruniform - Anjuran Kementerian/Jabatan Kerajaan dan Pasukan Kadet Remaja Sekolah (KRS)**

JAWATAN	MARKAH
Pegawai Wanita I & II (KRS), Pegawai Wanita II (PKBM), Pegawai Kadet Karan (PA), Pegawai Kadet (Bomba), Sub-Inspector (Poli), dan pegawai kadet (Konservasi/Hempas)	10
Staf Sarjan (KRS), Staf Sarjan/Bintara Karan/Fight Sarjan (PKBM), Pegawai Wanita Kadet (PA), Ketua Kadet (Bomba), dan Sarjan Malar (Poli dan Perera)	08
Sarjan, Bintara Muda (PKBM-L) dan Ketua Platun (Bomba)	07
Koperal, Laskar Karan (PKBM-L) dan Penolong Ketua Platun I (Bomba)	05
Lans Koperal, Laskar Muda (PKBM-L), Laskar Udara (PKBM-U), Penolong Ketua Platun II (Bomba)	04
Asst Asst	01

2.2 **Pasukan Badan Beruniform - Anjuran Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pencaragam Binas, Silat dan Taekwondo**

JAWATAN	MARKAH
Ketua Topi, Ketua Pasukan/Pengerusi, Pegawai Muda, Ketua Piliat, Ketua Kadet, Bend Major, Bengkung Merah dan Tali Pinggang Hitam (Juk. Hitam Merah = 09 markah)	10
Penolong Ketua Topi, Ketua Kumpulan, Ketua Utama Sekyen, Ketua Pasukan (SUSAHA), Sarjan, Drum Major/Asst. Band Major, Bengkung Hijau 3 dan Tali Pinggang Merah 2	08
Ketua Patrol, Seliasah, Ketua Sekyen, Ketua Pasukan (Bendahari), Koperal, Percussion Leader, Bengkung Hijau 2 dan Tali Pinggang Merah 1	07
Penolong Ketua Patrol, Bendahari, Pen. Ketua Sekyen Karan, Ketua Pasukan (AJK), Lans Koperal, Section Leader, Bengkung Hijau 1, Tali Pinggang Biru 2	06
Kuartermaster, Penolong Seliasah, Pen. Ketua Sekyen, Ketua Kumpulan, Asst. Section Leader, Cula 3 dan Tali Pinggang Biru 1	05
Asst Asst, Penolong Ketua Kumpulan, Class 3, Cula 2 dan Tali Pinggang Kuning 1 & 2	04
Asst Biasa, Class 4 & 5 dan Cula 1	03
Asst Biasa, Class 4 & 5 dan Cula 1	01

Catatan:  
Penglibatan Jawatan Berdasarkan Suruhan Pasukan:  
Pencarag Pengakap, Persatuan Pandu, Puteri Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Perguruan Puteri Islam Malaysia, Persatuan St. John Ambulance Malaysia, Persatuan Ehas, Persatuan Staf Sekolah dan Taskwondo.

Maklumat dalam borang markah aspek jawatan disandang memberi maklumat tentang jawatan pengurusan yang pernah disandang oleh pelajar kohort pertama PAPN. Data ini akan menjadi salah satu maklumat sokongan untuk data sifat kepimpinan.

3. Sifat kepimpinan

Pengukuran dan penilaian sifat kepimpinan menggunakan kaedah temubual dengan pelajar kohort pertama, guru kelas di sekolah rendah (apabila

memungkinkan akan dilakukan juga temubual dengan guru PAPN dan tadika pelajar kohort pertama), dan rakan sekelas di sekolah rendah.

Data kepimpinan juga diperolehi daripada hasil pengamatan selama temubual seperti cara bercakap, sikap, keyakinan dan kepercayaan diri, cara bertindak, cara mengambil keputusan, berfikir kritikal, dan sebagainya.

#### 4. Keadaan emosi

Pengukuran dan penilaian keadaan emosi menggunakan kaedah yang sama dengan sifat kepimpinan iaitu kaedah temubual dengan pelajar kohort pertama, guru kelas di sekolah rendah (apabila memungkinkan akan dilakukan juga temubual dengan guru PAPN dan tadika pelajar kohort pertama), dan rakan sekelas di sekolah rendah.

Data keadaan emosi juga diperolehi daripada hasil pengamatan selama temubual seperti mudah marah, tidak bersemangat, mudah tersinggung, dan sebagainya. Keadaan emosi ini akan diungkap melalui pemberian kes semasa temubual dan dilakukan pengamatan terhadap aspek emosi daripada jawapan responden, dan juga daripada ungkapan pengalaman responden yang melibatkan aspek emosi.

### **3.5 Analisis Data Kajian**

Data yang diperolehi daripada rekod akademik dan kokurikulum, skor keterampilan kepimpinan dan stabiliti emosi merupakan data kuantitatif dan dianalisis

menggunakan SPSS dan kaedah statistik yang digunakan adalah ujian deskriptif dan ujian perbezaan.

Kerangka analisis data kajian kuantitatif:

1. Ujian deskriptif pencapaian akademik, kokurikulum, sifat kepimpinan dan tahap stabiliti emosi pelajar kohort pertama dan pelajar yang tidak mengikuti PAPN.
2. Ujian penilaian pencapaian tahap pencapaian akademik dan kokurikulum pelajar kohort pertama PAPN mengikuti tahun persekolahan semasa di sekolah rendah.
3. Ujian perbezaan pencapaian tahap pencapaian akademik dan kokurikulum pelajar kohort pertama dan pelajar yang tidak mengikuti PAPN.
4. Ujian perbezaan sifat kepimpinan dan tahap stabiliti emosi pelajar kohort pertama program Permata Negara dibandingkan dengan data pelajar yang tidak mengikuti program Permata Negara.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bahagian ini membentangkan dan membincangkan tentang dapatan daripada kajian pengesanan pelajar lulusan kohort pertama program permata negara dari aspek akademik dan perkembangan holistik. Data yang telah diperolehi dikumpul dan seterusnya dianalisis

mengikut objektif kajian. Dapatan kajian ini juga adalah penemuan berdasarkan pada borang kaji selidik yang telah diedarkan kepada pelajar kohort pertama program permata negara dan keputusan pencapaian akademik serta kokurikulum pelajar kohort pertama program permata negara yang telah diberikan oleh guru dan pelajar masing-masing.

Prosedur analisis yang dijalankan adalah dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS Version 20)*. Antara analisis yang digunakan adalah seperti analisis deskriptif, *repeated measure ANOVA* dan *independent t-test*.

#### **4.2 Mengenalpasti Keberadaan dan Jumlah Pelajar Kohort Pertama yang Pernah Mengikuti Program Permata di Seluruh Negeri**

Sebelum menjalankan proses pengumpulan data, kajian ini terlebih dahulu mengenalpasti keberadaan dan jumlah pelajar yang telah mengikuti kohort pertama program permata di seluruh negeri yang terlibat di Malaysia. Senarai nama pelajar yang berjumlah 22 pelajar kohort pertama telah diperolehi dari Pejabat Permata Negara di Putrajaya. Seterusnya, penyelidik mula mengenalpasti keberadaan pelajar di sekolah yang terkini melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum ke Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Jaya, Pejabat Pendidikan Daerah Pekan dan Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara.

Hasil daripada tinjauan ini, kajian ini berjaya mengenalpasti keberadaan pelajar kohort pertama yang seramai 22 orang pelajar. Jadual 4.1 berikut merupakan jumlah pelajar kohort pertama mengikut penempatan lokasi pusat anak permata Negara iaitu seramai 8 orang pelajar di PAPN Chini, 5 orang pelajar dari PAPN Kepala Batas, 4 orang pelajar dari PAPN Mempaga, 3 orang pelajar dari PAPN Subang Jaya dan hanya 2 orang dari PAPN putrajaya.

Jadual 4.1 Jumlah pelajar kohort pertama program permata negara

<b>Lokasi</b>	<b>Jumlah pelajar yang diperolehi dari Pejabat Permata Negara</b>
<b>PAPN Mempaga</b>	4
<b>PAPN Chini</b>	8
<b>PAPN Kepala Batas</b>	5
<b>PAPN Subang Jaya</b>	3
<b>PAPN Putrajaya</b>	2
<b>Jumlah</b>	<b>22</b>

Responden kajian ini adalah terdiri daripada dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan pelajar kohort pertama yang pernah mengikuti program permata dan kumpulan pelajar yang tidak pernah mengikut program permata. Demografi responden bagi kedua-dua kumpulan pelajar ini ditunjukkan dalam Jadual 4.2 untuk kumpulan pelajar kohort pertama yang pernah mengikuti program permata dan Jadual 4.3 untuk kumpulan pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata. Kumpulan kawalan iaitu pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata ini diperlukan untuk mendapatkan hasil keputusan bagi perbandingan tahap prestasi akademik dan kokurikulum di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata.

Jadual 4.2 menunjukkan statistik responden yang pernah mengikuti program permata kohort pertama mengikut jantina, lokasi pusat permata, peringkat sekolah terkini, negeri dan pendapatan keluarga. Responden terdiri daripada 11 (50%) pelajar lelaki dan 11 (50%) orang pelajar perempuan. Responden yang pernah mengikuti program permata adalah terdiri daripada pelajar kohort pertama di lima buah lokasi Pusat Anak Permata Negara (PAPN) iaitu majoriti di PAPN Chini seramai 8 (36.4%) orang. Ini diikuti oleh PAPN Kepala Batas iaitu seramai 5 (22.7%) orang, PAPN Mempaga seramai 4 (18.2%) orang, PAPN Subang Jaya seramai 3 (13.6%) orang dan PAPN Putrajaya hanya seramai 2 (9.1%) orang.

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

Peringkat sekolah terkini bagi responden yang pernah mengikuti program permata juga ditunjukkan dalam jadual 4.2. Semua pelajar kohort pertama iaitu seramai 22 (100%) orang kini sedang belajar di peringkat sekolah menengah. Majoriti responden yang pernah mengikuti program permata adalah dari Pahang iaitu seramai 12 (54.5%), diikuti dengan Pulau Pinang iaitu seramai 5 (22.7%) orang, Selangor seramai 3 (13.6%) orang dan Putrajaya hanya seramai 2 (9.1%) orang. Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa seramai 17 (77.3%) orang pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga di antara RM1501 hingga RM2500. Manakala, hanya 5 (22.7%) orang pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga di antara RM2501 hingga RM5000.

Jadual 4.2 Demografi responden kajian bagi pelajar kohort pertama program permata negara

<b>Pembolehubah Demografi</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	11	50.0
Perempuan	11	50.0
<b>Lokasi PAPAN</b>		
Mempaga	4	18.2
Chini	8	36.4
Kepala Batas	5	22.7
Subang Jaya	3	13.6
Putrajaya	2	9.1
<b>Peringkat sekolah terkini</b>		
Sekolah Rendah	0	0
Sekolah Menengah	22	100
<b>Negeri</b>		
Selangor	3	13.6
Wilayah Persekutuan Putrajaya	2	9.1
Pahang	12	54.5
Pulau Pinang	5	22.7
<b>Pendapatan keluarga</b>		
RM1501 – RM2500	17	77.3
RM2501 – RM5000	5	22.7
<b>Jumlah</b>	<b>N = 22</b>	



Jadual 4.3 pula menunjukkan statistik bagi jantina, jenis taska, peringkat sekolah terkini, negeri dan pendapatan keluarga bagi pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata. Ini menunjukkan bahawa seramai 34 (51.5%) responden adalah pelajar perempuan manakala 32 (48.5%) responden adalah pelajar lelaki yang terdiri daripada pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata. Responden bagi pelajar yang tidak mengikuti program permata ini terdiri daripada pelajar yang mengikuti taska swasta iaitu seramai 20 (30.3%) orang, pelajar yang mengikuti taska kerajaan iaitu seramai 19 (28.8%), pelajar yang belajar di rumah iaitu seramai 14 (21.2%) orang dan hanya 13 (19.7%) orang pelajar yang tidak pernah belajar di rumah atau taska.

Semua responden bagi kumpulan kawalan ini juga adalah terdiri daripada pelajar peringkat sekolah menengah. Majoriti responden yang tidak pernah mengikuti program permata adalah dari Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu seramai 39 (66.1%), diikuti dengan Pahang iaitu seramai 12 (20.3%) orang, Pulau Pinang seramai 5 (8.5%) orang dan Selangor hanya seramai 3 (5.1%) orang. Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa majoriti pelajar iaitu seramai 35 (53%) orang pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga di antara RM2501 hingga RM5000. Ini diikuti dengan seramai 20 (30.3%) orang pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga di antara RM1501 hingga RM2500 dan hanya 11(16.7%) orang pelajar mempunyai pendapatan keluarga di antara RM1000 hingga RM1500.

Jadual 4.3 Demografi responden kajian bagi pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata (kumpulan kawalan)

<b>Pembolehubah Demografi</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	32	48.5
Perempuan	34	51.5
<b>Jenis taska</b>		
Pelajar yang tidak pernah belajar di taska	13	19.7
Pelajar yang mengikuti taska kerajaan	19	28.8

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

Pelajar yang mengikuti tugas swasta	20	30.3
Pelajar yang belajar di rumah	14	21.2
<b>Peringkat sekolah terkini</b>		
Sekolah Rendah	0	0
Sekolah Menengah	66	100
<b>Negeri</b>		
Selangor	8	12.1
Wilayah Persekutuan Putrajaya	8	12.1
Pahang	32	48.5
Pulau Pinang	18	27.3
<b>Pendapatan keluarga</b>		
RM1000 – RM1500	11	16.7
RM1501 – RM2500	20	30.3
RM2501 – RM5000	35	53.0
<b>Jumlah</b>	<b>N = 66</b>	

#### 4.3 Penilaian Tahap Prestasi Akademik di Sekolah Rendah dalam Kalangan Pelajar Kohort Pertama Program Permata

Jadual dan rajah berikut masing-masing menunjukkan tahap prestasi akademik pelajar berdasarkan lima (5) subjek utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains. Subjek utama ini bermaksud, subjek yang diambil ketika Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Markah ujian akhir tahun bagi darjah 1 sehingga darjah 6 untuk subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Agama Islam dikumpulkan dan direkodkan, manakala untuk subjek Sains pula dikumpulkan dari darjah 4 hingga darjah 6. Data ini diperlukan untuk menilai tahap pencapaian pelajar kohort pertama program permata ini ketika di sekolah rendah.


Secara ringkasnya, tahap pencapaian Bahasa Melayu yang ditunjukkan dalam jadual 4.4 dan rajah 4.1, seramai 11 orang pelajar menunjukkan tahap pencapaian yang cemerlang untuk darjah 1, 2 dan 3. Manakala, untuk darjah 3, berlaku peningkatan dalam jumlah pelajar yang mempunyai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu iaitu meningkat kepada 34 orang. Jumlah pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang iaitu mendapat markah 80%-100%

Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

menurun ketika darjah 4, 5 dan iaitu 9 orang untuk darjah 4, 7 orang pelajar sahaja yang mendapat keputusan yang cemerlang ketika darjah 5 dan hanya 4 orang pelajar yang cemerlang ketika darjah 6 untuk subjek Bahasa Melayu. Namun begitu, ada juga pelajar yang belum mencapai tahap minimum iaitu dua (2) orang pelajar ketika darjah 2 dan hanya seorang pelajar yang belum mencaoi tahap minimum ketika darjah 1 dan 4.

Jadual 4.4 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Bahasa Melayu

Darjah	Bilangan Pelajar					Jumlah
	0 – 39	40 – 49	50 – 64	65 – 79	80 – 100	
	Belum mencapai tahap minimum	Mencapai tahap minimum	Memuaskan	Baik	Cemerlang	
1	1	1	4	5	11	22
2	2	0	2	7	11	22
3	0	1	2	8	11	22
4	1	0	4	8	9	22
5	0	0	1	14	7	22
6	0	0	4	14	4	22




Rajah 4.1 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Bahasa Melayu

Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

Bagi tahap pencapaian Bahasa Inggeris pula ditunjukkan dalam jadual 4.5 dan rajah 4.2, seramai 5, 4, 2, 2 dan 10 orang pelajar masing-masing mendapat keputusan yang cemerlang ketika berada dalam darjah 1, 2, 3, 5 dan 6. Namun begitu, ada juga pelajar yang belum mencapai tahap minimum kerana mendapat markah 39 dan ke bawah iaitu seorang pelajar ketika di darjah 1,2 dan 4 manakala dua (2) orang pelajar ketika darjah 3.

Jadual 4.5 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Bahasa Inggeris

Darjah	Bilangan Pelajar					Jumlah
	0 – 39	40 – 49	50 – 64	65 – 79	80 – 100	
	Belum mencapai tahap minimum	Mencapai tahap minimum	Memuaskan	Baik	Cemerlang	
1	1	5	5	6	5	22
2	1	3	8	6	4	22
3	2	1	6	11	2	22
4	1	1	2	18	0	22
5	0	2	5	13	2	22
6	0	1	5	6	10	22




Rajah 4.2 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Bahasa Inggeris

Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

Bagi tahap pencapaian untuk subjek Matematik ditunjukkan dalam jadual 4.6 dan rajah 4.3, seramai 5 orang pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang ketika berada dalam darjah 1 dan berlaku penurunan jumlah pelajar yang mendapat keputusan cemerlang pada darjah 2 dan 3 iaitu kepada 4 dan 2 orang pelajar masing-masing. Tetapi jumlah ini menaik kembali ketika mereka berada dalam darjah 4 hingga 6 iaitu meningkat kepada 5 orang pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam subjek matematik ketika darjah 4 dan 5 serta 6 orang ketika darjah 6. Secara keseluruhannya, pelajar ini mendapat keputusan baik dalam matapelajaran Matematik ketika darjah 1 hingga 6.

Jadual 4.6 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Matematik

Darjah	Bilangan Pelajar (Peratus)					Jumlah
	0 – 39	40 – 49	50 – 64	65 – 79	80 – 100	
	Belum mencapai tahap minimum	Mencapai tahap minimum	Memuaskan	Baik	Cemerlang	
1	2	3	8	4	5	22
2	0	4	4	10	4	22
3	3	2	4	11	2	22
4	0	0	2	15	5	22
5	0	0	4	13	5	22
6	0	0	4	12	6	22




Rajah 4.3 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Matematik

Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

Bagi subjek Pendidikan Agama Islam yang ditunjukkan dalam jadual 4.7 dan rajah 4.4, pencapaian pelajar dalam keadaan baik dan cemerlang ketika darjah 1 hingga 6. Tiada pelajar yang belum mencapai tahap minimum untuk subjek ini ketika darjah 1 hingga 6.

Jadual 4.7 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Pendidikan Agama Islam

Darjah	Bilangan Pelajar (Peratus)					Jumlah
	0 – 39	40 – 49	50 – 64	65 – 79	80 – 100	
	Belum mencapai tahap minimum	Mencapai tahap minimum	Memuaskan	Baik	Cemerlang	
1	0	3	6	5	8	22
2	0	1	4	8	9	22
3	0	2	4	7	9	22
4	0	2	2	15	3	25
5	0	0	3	9	10	22
6	0	0	3	11	8	22




Rajah 4.4 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Pendidikan Agama Islam

Bagi tahap prestasi bagi subjek Sains, kajian ini mendapatkan keputusan bagi darjah 4 hingga 6 sahaja seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.8 dan rajah 4.5. Bagi tahap pencapaian subjek Sains ketika di darjah 4, seramai 9 orang pelajar yang berjaya mendapat keputusan yang cemerlang, Tetapi berlaku penurunan kepada jumlah ini dimana hanya 5 orang pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang ketika berada di darjah 5 dan 7 orang pelajar ketika darjah 6. Terdapat seorang pelajar ketika darjah 4 dan seorang pelajar ketika darjah 5 mendapat markah 39 dan ke bawah yang mana belum mencapai tahap minimum yang diperlukan.

Jadual 4.8 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Sains

Darjah	Bilangan Pelajar (Peratus)					Jumlah
	0 – 39 Belum mencapai tahap minimum	40 – 49 Mencapai tahap minimum	50 – 64 Memuaskan	65 – 79 Baik	80 – 100 Cemerlang	
4	1	2	1	9	9	22
5	1	5	5	6	5	22
6	0	2	3	10	7	22



Rajah 4.5 Bilangan pelajar mengikut tahap pencapaian Sains

Jadual 4.9 menunjukkan ujian *repeated measure ANOVA* bagi menguji perbandingan prestasi antara pencapaian darjah 1 hingga darjah 3 terhadap matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Agama Islam. Hasil kajian mendapati matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Pendidikan Agama Islam adalah signifikan kerana nilai *p-value* lebih kecil daripada 0.05 dan nilai *confidence interval* tidak termasuk nilai 0. Ini menunjukkan bahawa ada perbezaan peningkatan di antara pencapaian darjah 1 hingga darjah 3 untuk matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Pendidikan Agama Islam dalam kalangan pelajar yang pernah mengikuti kohort pertama program permata.

Namun begitu, kajian ini mendapati tahap pencapaian matapelajaran Bahasa Inggeris adalah tidak signifikan kerana nilai *p-value* lebih besar daripada 0.05 dan nilai 95% *confidence interval* termasuk nilai 0. Maka, tiada perbezaan peningkatan di antara pencapaian darjah 1 hingga darjah 3 untuk matapelajaran Bahasa Inggeris dan Pendidikan Agama Islam dalam kalangan pelajar yang pernah mengikuti kohort pertama program permata.

Jadual 4.9 Ujian *Repeated measure ANOVA* mengikut matapelajaran tahap 1

Darjah	Matapelajaran			
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Pendidikan Agama Islam
	<i>P-value</i> (95% CI)	<i>P-value</i> (95% CI)	<i>P-value</i> (95% CI)	<i>P-value</i> (95% CI)
1 – 2	0.027 (-3.32,-2.15)	0.611 (-3.19,2.45)	0.021 (-2.63,-1.17)	0.047 (-4.22,-2.01)
1 – 3	0.035 (-2.95,-1.09)	0.085 (-6.64,1.15)	0.038 (-3.09,-1.45)	0.026 (-4.72,-1.08)
2 – 3	0.011 (-2.11,-1.67)	0.327 (-8.51,2.89)	0.019 (-2.87,-1.14)	0.013 (-2.54,-1.13)
<b>Keputusan</b>	Signifikan	Tidak Signifikan	Signifikan	Signifikan

*Repeated measures ANOVA within group analyses were applied followed by multiple comparisons The Mean Difference (MD) is significant at the 0.05 level for multiple comparisons: Bonferroni, CI=confidence interval*



Jadual 4.10 pula menunjukkan ujian *repeated measure ANOVA* bagi menguji perbandingan prestasi antara pencapaian darjah 4 hingga darjah 6 terhadap matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains. Hasil kajian mendapati matapelajaran Pendidikan Agama Islam dan Sains adalah signifikan kerana nilai *p-value* lebih kecil daripada 0.05 dan nilai *confidence interval* tidak termasuk nilai 0. Ini menunjukkan bahawa ada perbezaan peningkatan di antara pencapaian darjah 4 hingga darjah 6 untuk matapelajaran Pendidikan Agama Islam dan Sains dalam kalangan pelajar yang pernah mengikuti kohort pertama program permata.

Namun begitu, kajian ini mendapati tahap pencapaian matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik adalah tidak signifikan kerana nilai *p-value* lebih besar daripada 0.05 dan nilai 95% *confidence interval* termasuk nilai 0. Maka, tiada perbezaan peningkatan di antara pencapaian darjah 4 hingga darjah 6 untuk matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik dalam kalangan pelajar yang pernah mengikuti kohort pertama program permata.

Jadual 4.10 Ujian *Repeated measure ANOVA* mengikut matapelajaran tahap 2

Darjah	Matapelajaran				
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Pendidikan Agama Islam	Sains
	<i>P-value</i> (95% CI)	<i>P-value</i> (95% CI)	<i>P-value</i> (95% CI)	<i>P-value</i> (95% CI)	<i>P-value</i> (95% CI)
4 - 5	0.065 (-5.81, 2.13)	0.116 (-6.91, 3.11)	0.772 (-9.01, 1.10)	0.036 (-2.87, -1.03)	0.019 (-1.95, -1.16)
4 - 6	0.091 (-3.11, 1.09)	0.359 (-2.67, 1.15)	0.218 (-3.45, 1.16)	0.011 (-1.93, -1.02)	0.027 (-2.65, -1.41)
5 - 6	0.077 (-2.89, 1.95)	0.083 (-1.09, 5.89)	0.065 (-2.11, 6.92)	0.048 (-2.31, -1.11)	0.033 (-4.76, -2.05)
<b>Keputusan</b>	Tidak Signifikan	Tidak Signifikan	Tidak Signifikan	Signifikan	Signifikan

*Repeated measures ANOVA within group analyses were applied followed by multiple comparisons The Mean Difference (MD) is significant at the 0.05 level for multiple comparisons: Bonferroni, CI=confidence interval*

#### **4.4 Perbandingan Tahap Prestasi Akademik di Sekolah Rendah Antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang Tidak Pernah Mengikuti Program PERMATA**

Kajian ini juga telah mengumpul data akademik bagi 22 orang pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata bagi membuat perbandingan tahap prestasi akademik di peringkat sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata.

##### **4.4.1 Perbandingan Tahap Prestasi Akademik di Sekolah Rendah antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang Tidak Pernah Belajar di Taska**

Jadual 4.11 menunjukkan hasil dapatan bagi ujian *Independent Samples t-test* mengikut matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains. Kajian ini mendapati bahawa hanya matapelajaran Bahasa Inggeris sahaja yang mempunyai perbezaan di antara purata tahap prestasi akademik diperingkat sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang tidak pernah belajar di taska kerana nilai *p-value* adalah lebih kecil daripada 0.05 ( $p < 0.05$ ) dan nilai 95% *confidence interval* adalah tidak termasuk nilai 0. Jadi, keputusan ujian ini adalah signifikan dan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara purata tahap prestasi matapelajaran Bahasa Inggeris yang mana pelajar yang mengikuti program permata kohort pertama adalah lebih baik daripada pelajar yang tidak belajar di taska.

Memandangkan keempat - empat nilai *p-value* adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ) dan nilai 95% *confidence interval* adalah termasuk nilai 0 bagi matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains, maka perbandingan tahap prestasi akademik mengikut setiap matapelajaran tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna, tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi akademik bagi matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Pendidikan

Agama Islam dan Sains diperingkat sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang tidak pernah belajar di taska.

Jadual 4.11 Ujian *Independent Samples t-test* mengikut matapelajaran

Darjah	<i>t-test for Equality of Means</i>				
	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>P-value</i>	(95% <i>CI</i> )	Keputusan
<b>Bahasa Melayu</b>	-0.541	33	0.599	(-5.207, 3.526)	Tidak signifikan
<b>Bahasa Inggeris</b>	-2.541	33	0.045	(-9.116, -5.241)	Signifikan
<b>Matematik</b>	-0.680	33	0.815	(-10.193, 1.102)	Tidak signifikan
<b>Pendidikan Agama Islam</b>	-1.694	33	0.480	(-9.567, 5.435)	Tidak signifikan
<b>Sains</b>	-3.118	33	0.561	(-6.119, 1.079)	Tidak signifikan

*Df= degree of freedom, CI=confidence interval*

#### 4.4.2 Perbandingan Tahap Prestasi Akademik di Sekolah Rendah antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang mengikuti Taska Kerajaan

Jadual 4.12 menunjukkan hasil dapatan bagi ujian *Independent Samples t-test* mengikut matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains. Memandangkan kesemua nilai *p-value* adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ) dan nilai 95% *confidence interval* adalah termasuk nilai 0 bagi matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains, maka perbandingan tahap prestasi akademik mengikut setiap matapelajaran tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna, tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi akademik di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang mengikuti taska kerajaan.

Jadual 4.12 Ujian *Independent Samples t-test* mengikut matapelajaran

Darjah	<i>t-test for Equality of Means</i>				Keputusan
	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>P-value</i>	(95% <i>CI</i> )	
<b>Bahasa Melayu</b>	-1.103	39	0.066	(-11.340, 1.114)	Tidak signifikan
<b>Bahasa Inggeris</b>	-1.235	39	0.528	(-5.529, 0.319)	Tidak signifikan
<b>Matematik</b>	-0.117	39	0.315	(-1.193, 4.217)	Tidak signifikan
<b>Pendidikan Agama Islam</b>	-1.511	39	0.700	(-3.339, 18.021)	Tidak signifikan
<b>Sains</b>	-2.193	39	0.792	(-2.168, 6.119)	Tidak signifikan

*Df= degree of freedom, CI=confidence interval*

#### 4.4.3 Perbandingan Tahap Prestasi Akademik di Sekolah Rendah antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang mengikuti Taska Swasta

Jadual 4.13 menunjukkan hasil dapatan bagi ujian *Independent Samples t-test* mengikut matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Agama Islam. Memandangkan kesemua nilai *p-value* adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ) dan nilai 95% *confidence interval* adalah termasuk nilai 0 bagi matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Islam, maka perbandingan tahap prestasi akademik mengikut setiap matapelajaran tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna, tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi akademik bagi matapelajaran tersebut di peringkat sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang mengikuti taska swasta.

Jadual 4.13 Ujian *Independent Samples t-test* mengikut matapelajaran

Darjah	<i>t-test for Equality of Means</i>				Keputusan
	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>P-value</i>	(95% <i>CI</i> )	
Bahasa Melayu	-15.299	40	0.671	(-9.915, 1.301)	Tidak signifikan
Bahasa Inggeris	-10.315	40	0.156	(-7.661, 1.005)	Tidak signifikan
Matematik	-8.713	40	0.056	(-4.442, 1.081)	Tidak signifikan
Pendidikan Agama Islam	-17.902	40	0.912	(-15.100, 2.119)	Tidak signifikan
Sains	-8.559	40	0.079	(-5.716, 3.001)	Tidak signifikan

*Df= degree of freedom, CI=confidence interval*

#### 4.4.4 Perbandingan Tahap Prestasi Akademik di Sekolah Rendah antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang Belajar di Rumah.

Jadual 4.14 menunjukkan hasil dapatan bagi ujian *Independent Samples t-test* mengikut matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains. Memandangkan kesemua nilai *p-value* adalah lebih besar daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ) dan nilai 95% *confidence interval* adalah termasuk nilai 0 bagi matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains, maka perbandingan tahap prestasi akademik mengikut setiap matapelajaran tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna, tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi akademik di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang belajar di rumah.

Jadual 4.14 Ujian *Independent Samples t-test* mengikut matapelajaran

Darjah	<i>t-test for Equality of Means</i>				Keputusan
	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>P-value</i>	(95% <i>CI</i> )	
<b>Bahasa Melayu</b>	-3.519	34	0.159	(-1.139, 2.113)	Tidak signifikan
<b>Bahasa Inggeris</b>	-0.141	34	0.325	(-7.883, 1.012)	Tidak signifikan
<b>Matematik</b>	-0.599	34	0.105	(-5.413, 1.259)	Tidak signifikan
<b>Pendidikan Agama Islam</b>	-2.719	34	0.069	(-1.692, 2.063)	Tidak signifikan

*Df= degree of freedom, CI=confidence interval*

#### 4.5 Penilaian Tahap Prestasi Kokurikulum di Sekolah Rendah dalam Kalangan Pelajar Kohort Pertama Program Permata

Selain prestasi akademik, kajian ini juga telah mengumpul data kokurikulum sekolah rendah bagi pelajar kohort pertama program permata. Jadual 4.15 menunjukkan bilangan pelajar serta peratusan mengikut purata tahap prestasi kokurikulum iaitu sukan, persatuan dan kelab di sekolah rendah. Majoriti pelajar mendapat prestasi yang cemerlang dalam sukan iaitu seramai 14 (63.6%) orang, diikuti dengan seramai 8 (36.4%) orang pelajar mendapat prestasi yang baik. Namun begitu, tiada pelajar yang berada pada tahap memuaskan atau minimum untuk kokurikulum sukan.

Bagi persatuan pula, majoriti pelajar juga mencapai tahap cemerlang iaitu seramai 18 (81.4%) orang dan seramai 4 (18.2%) orang pelajar yang mencapai tahap yang baik. Namun, tiada pelajar yang mendapat keputusan pencapaian pada tahap memuaskan atau minimum bagi kokurikulum persatuan.

Seterusnya, majoriti pelajar juga telah mendapat keputusan pencapaian yang cemerlang dalam kokurikulum kelab iaitu seramai 21 (95.5%) orang pelajar dan hanya seorang (4.5%) pelajar mencapai tahap yang baik. Namun, tiada pelajar yang belum mencapai tahap minimum atau

memuaskan bagi prestasi pencapaian kelab. Secara keseluruhannya, purata pencapaian kokurikulum pelajar di peringkat sekolah rendah adalah cemerlang .

Jadual 4.15 Bilangan pelajar mengikut tahap prestasi kokurikulum

<b>Bilangan Pelajar</b>						
<b>(Peratus)</b>						
<b>Ko- kurikulum</b>	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>	<b>D</b>	<b>E</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>Cemerlang</b>	<b>Baik</b>	<b>Memuaskan</b>	<b>Mencapai tahap minimum</b>	<b>Belum mencapai tahap minimum</b>	
<b>Sukan</b>	14 (63.6)	8 (36.4)	0	0	0	<b>22</b>
<b>Persatuan</b>	18 (81.8)	4 (18.2)	0	0	0	<b>22</b>
<b>Kelab</b>	21 (95.5)	1 (4.5)	0	0	0	<b>22</b>

#### **4.6 Perbandingan Tahap Prestasi Kokurikulum di Sekolah Rendah Antara Pelajar Kohort Pertama Program Permata dan Pelajar yang Tidak Pernah Mengikuti Program Permata**

Kajian ini juga telah mengumpul data kokurikulum di peringkat sekolah rendah bagi 22 orang pelajar yang pernah mengikuti program permata kohort pertama, 14 orang pelajar yang hanya belajar di rumah, 20 orang pelajar yang mengikuti taska swasta, 19 orang pelajar yang mengikuti taska kerajaan dan 13 orang pelajar yang tidak pernah belajar di taska. Data ini dikumpulkan dengan tujuan untuk membuat perbandingan tahap prestasi kokurikulum di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata.

#### 4.6.1 Perbandingan Tahap Prestasi Kokurikulum di Sekolah Rendah antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang Tidak Pernah Belajar di Taska

Jadual 4.16 menunjukkan hasil dapatan bagi ujian *Independent Samples t-test* mengikut jenis kokurikulum iaitu sukan, persatuan dan kelab. Memandangkan kesemua nilai *p-value* adalah lebih besar daripada 0.05 dan nilai 95% *confidence interval* adalah termasuk nilai 0, maka perbandingan tahap prestasi kokurikulum mengikut setiap jenis kokurikulum tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna, tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi kokurikulum di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang tidak pernah belajar di taska.

Jadual 4.16 Ujian *Independent Samples t-test* mengikut kokurikulum

Darjah	<i>t-test for Equality of Means</i>				Keputusan
	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>P-value</i>	(95% <i>CI</i> )	
<b>Sukan</b>	-1.439	33	0.914	(-2.511 , 1.149)	Tidak signifikan
<b>Persatuan</b>	-1.115	33	0.889	(-2.003 , 1.007)	Tidak signifikan
<b>Kelab</b>	-1.751	33	0.065	(-4.118 , 7.219)	Tidak signifikan

*Df= degree of freedom, CI=confidence interval*



#### 4.6.2 Perbandingan Tahap Prestasi Kokurikulum di Sekolah Rendah antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang Belajar di Taska Kerajaan

Jadual 4.17 menunjukkan hasil dapatan bagi ujian *Independent Samples t-test* mengikut jenis kokurikulum iaitu sukan, persatuan dan kelab. Memandangkan kesemua nilai *p-value* adalah lebih besar daripada 0.05 dan nilai 95% *confidence interval* adalah termasuk nilai 0, maka perbandingan tahap prestasi kokurikulum mengikut setiap jenis kokurikulum tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna, tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi kokurikulum di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang belajar di taska kerajaan.

Jadual 4.17 Ujian *Independent Samples t-test* mengikut kokurikulum

Darjah	<i>t-test for Equality of Means</i>				Keputusan
	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>P-value</i>	(95% <i>CI</i> )	
<b>Sukan</b>	-0.119	39	0.115	(-3.164 , 1.902)	Tidak signifikan
<b>Persatuan</b>	-0.215	39	0.083	(-10.263 , 1.115)	Tidak signifikan
<b>Kelab</b>	-0.561	39	0.519	(-1.006 , 5.281)	Tidak signifikan

*Df= degree of freedom, CI=confidence interval*

#### 4.6.3 Perbandingan Tahap Prestasi Kokurikulum di Sekolah Rendah antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang Belajar di Taska Swasta

Jadual 4.18 menunjukkan hasil dapatan bagi ujian *Independent Samples t-test* mengikut jenis kokurikulum iaitu sukan, persatuan dan kelab. Memandangkan kesemua nilai *p-value* adalah lebih besar daripada 0.05 dan nilai 95% *confidence interval* adalah termasuk nilai 0, maka perbandingan tahap prestasi kokurikulum mengikut setiap jenis kokurikulum tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna, tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi kokurikulum di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang belajar di taska swasta.

Jadual 4.18 Ujian *Independent Samples t-test* mengikut kokurikulum

Darjah	<i>t-test for Equality of Means</i>				
	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>P-value</i>	(95% <i>CI</i> )	Keputusan
<b>Sukan</b>	-0.371	40	0.075	(-1.716 , 1.092)	Tidak signifikan
<b>Persatuan</b>	-0.083	40	0.116	(-1.399 , 3.610)	Tidak signifikan
<b>Kelab</b>	-0.411	40	0.0881	(-1.591 , 1.009)	Tidak signifikan

*Df= degree of freedom, CI=confidence interval*

#### 4.6.4 Perbandingan Tahap Prestasi Kokurikulum di Sekolah Rendah antara Pelajar Kohort Pertama Program PERMATA dan Pelajar yang Belajar di Rumah

Jadual 4.19 menunjukkan hasil dapatan bagi ujian *Independent Samples t-test* mengikut jenis kokurikulum iaitu sukan, persatuan dan kelab. Memandangkan kesemua nilai *p-value* adalah lebih besar daripada 0.05 dan nilai 95% *confidence interval* adalah termasuk nilai 0, maka perbandingan tahap prestasi kokurikulum mengikut setiap jenis kokurikulum tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna, tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi kokurikulum di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang belajar di rumah.

Jadual 4.19 Ujian *Independent Samples t-test* mengikut kokurikulum

Darjah	<i>t-test for Equality of Means</i>				
	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>P-value</i>	(95% <i>CI</i> )	Keputusan
<b>Sukan</b>	-0.991	34	0.699	(- 3.105, 1.019)	Tidak signifikan
<b>Persatuan</b>	-1.359	34	0.071	(-6.791 , 1.117)	Tidak signifikan
<b>Kelab</b>	-1.085	34	0.103	(-1.152 , 1.739)	Tidak signifikan

*Df= degree of freedom, CI=confidence interval*

#### 4.7 Penilaian Sifat Kepimpinan dan Tahap Emosi yang Dimiliki oleh Pelajar Kohort Pertama Program Permata

Bagi menentukan penilaian sifat kepimpinan dan tahap emosi dalam kajian ini, satu garis panduan bagi skor min telah ditetapkan dengan merujuk dan mengubahsuai garis panduan yang dikemukakan oleh Muhammad, Ismail, Wan, Mohd. Dan Zawiah (2013). Sehubungan dengan itu, tahap skor min telah dibina dengan membahagikan nilai min piawai kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor min antara 1.00 hingga 2.99 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah yang dikaji berada pada tahap yang rendah, skor min antara 3.00 hingga 3.99 menunjukkan pada tahap sederhana dan skor min antara 4.00 hingga 5.00 menunjukkan pada tahap yang tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.20.

Jadual 4.20 Garis panduan bagi skor min

Skor Purata	Tafsiran Skor Min
1.00 hingga 2.99	Rendah
3.00 hingga 3.99	Sederhana
4.00 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Muhammad et al. (2013)

##### 4.7.1 Analisis Kebolehpercayaan

Menurut Hair et al. (1998) nilai *Cronbach Alpha* minimum ialah 0.6 tetapi nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.7 dan ke atas adalah lebih baik. Semakin tinggi nilai *Cronbach Alpha*, pengukuran instrumen lebih dipercayai tetapi, sekiranya nilai *Cronbach Alpha* 0.5 dan ke atas adalah boleh diterima. Jadual dibawah menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* untuk pengaruh idea, inspirasi, intelektual dan individu bagi mewakili konstruk kepimpinan. Manakala item-item yang mewakili konstruk emosi pula ialah konfrantatif, sokongan sosial, penyelesaian masalah, kawalan diri, menjauhkan diri, penilaian positif, menerima tanggungjawab dan juga mengelak

diri. Oleh kerana semua nilai *Cronbach Alpha* di antara 0.5 sehingga 0.7, item-item yang dipilih bagi setiap faktor kepimpinan dan emosi adalah boleh dipercayai.

Jadual 4.21 Nilai *Cronbach Alpha* bagi faktor - faktor dalam konstruk kepimpinan dan emosi

<b>Faktor</b>	<b>Bilangan item</b>	<b>Bilangan responden</b>	<b><i>Cronbach Alpha</i></b>
Pengaruh Idea	4	22	0.528
Inspirasi	4	22	0.560
Intelektual	4	22	0.681
Individual	4	22	0.687
Konfrantatif	6	22	0.537
Sokongan Sosial	6	22	0.575
Penyelesaian Masalah	6	22	0.749
Kawalan Diri	6	22	0.584
Menjauhkan Diri	6	22	0.757
Penilaian Positif	6	22	0.749
Menerima Tanggungjawab	6	22	0.656
Mengelak Diri	6	22	0.749

Dalam kajian ini, analisis kebolehpercayaan menggunakan *Cronbach Alpha* untuk menentukan ukuran ketekalan dalaman bagi item-item yang diukur di bawah setiap komponen konstruk kepimpinan dan emosi pelajar kohort pertama program permata. Ia adalah penting diperhatikan bahawa semua langkah-langkah kebolehpercayaan mestilah melebihi nilai minimum 0.6 atau sebaiknya melebihi 0.7 seperti yang disyorkan oleh Hair et al. (2006).

#### **4.7.2 Penilaian Sifat Kepimpinan yang Dimiliki oleh Pelajar Kohort Pertama Program Permata**

Secara ringkasnya, analisis min, sisihan piawai dan tahap penilaian sifat kepimpinan pelajar kohort pertama program permata ditunjukkan dalam jadual 4.22 berikut. Nilai min penilaian sifat kepimpinan yang dimiliki oleh pelajar kohort pertama program permata secara keseluruhan adalah 3.767 dan sisihan piawai adalah 0.342. Ini bermakna penilaian sifat kepimpinan yang dimiliki oleh pelajar kohort pertama program permata secara keseluruhan adalah pada tahap yang sederhana.

Apabila dilihat dengan lebih terperinci dimensi sifat kepimpinan pelajar melalui pengaruh idea berada pada tahap sederhana dengan skor min adalah 3.560 dan sisihan piawai 0.496. Kajian mendapati seorang pelajar (4.6%) mempunyai tahap penilaian yang rendah, 14 orang pelajar (63.6%) mempunyai tahap penilaian yang sederhana dan 7 orang pelajar (31.8%) mempunyai penilaian yang tinggi. Manakala, sifat kepimpinan pelajar melalui inspirasi juga berada pada tahap sederhana dengan skor min adalah 3.614 dan sisihan piawai adalah 0.384 di mana 1 orang pelajar (4.6%) memiliki tahap yang rendah, 14 orang pelajar (63.6%) memiliki tahap yang sederhana dan 7 orang pelajar (31.8%) memiliki tahap yang tinggi.

Seterusnya, sifat kepimpinan pelajar melalui rangsangan intelektual mempunyai tahap yang tinggi dengan skor min adalah 4.000 dan sisihan piawai adalah 0.562 di mana seramai 7 orang pelajar (31.8%) mempunyai tahap yang sederhana dan seramai 15 orang pelajar (68.2%) mempunyai tahap yang tinggi terhadap rangsangan intelektual. Kemudian, sifat kepimpinan pelajar kohort pertama melalui pertimbangan individu mempunyai tahap yang sederhana dengan skor min adalah 3.875 dan sisihan piawai adalah 0.376. Ini dapat dilihat di mana 14

Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

orang pelajar (63.6%) mempunyai tahap yang sederhana manakala seramai 8 orang pelajar (36.4%) mempunyai tahap yang tinggi terhadap pertimbangan individu.

Ini bermakna penilaian sifat kepimpinan yang dimiliki oleh pelajar kohort pertama program permata secara keseluruhannya adalah sederhana khususnya melalui pengaruh idea, inspirasi motivasi dan juga pertimbangan individu manakala rangsangan intelektual adalah tinggi.

Jadual 4.22 Analisis min, sisihan piawai, frekuensi, peratusan terhadap penilaian sifat kepimpinan pelajar

Dimensi	Tahap			Min	Sisihan Piawai
	Rendah	Sederhana	Tinggi		
	Frekuensi (%)				
<b>Pengaruh Idea</b>	1 (4.6)	14 (63.6)	7 (31.8)	3.560	0.496
<b>Inspirasi</b>	1 (4.6)	14 (63.6)	7 (31.8)	3.614	0.384
<b>Intelektual</b>	0	7 (31.8)	15 (68.2)	4.000	0.562
<b>Pertimbangan Individu</b>	0	14 (63.6)	8 (36.4)	3.875	0.376
<b>Keseluruhan</b>		<b>Sederhana</b>		<b>3.767</b>	<b>0.342</b>

#### **4.7.3 Penilaian Tahap Emosi Pelajar Kohort Pertama Program Permata**

Secara ringkasnya, analisis min, sisihan piawai terhadap tahap emosi pelajar kohort pertama program permata ditunjukkan dalam Jadual 4.23. Nilai min penilaian tahap emosi pelajar Kohort pertama program ini secara keseluruhan adalah 3.695 dan sisihan piawai adalah 0.412. Ini bermakna penilaian tahap emosi pelajar Kohort pertama program PERMATA secara keseluruhan adalah pada tahap yang sederhana. Apabila dilihat dengan lebih terperinci dimensi emosi pelajar melalui mengatasi konfrantatif berada pada tahap sederhana dengan skor min adalah 3.242 dan sisihan piawai 0.553. Kajian mendapati 6 orang pelajar (27.2%) mempunyai tahap emosi yang rendah, 13 org pelajar (59.0%) mempunyai tahap emosi yang sederhana dan 3 orang pelajar (13.5%) mempunyai tahap emosi yang tinggi.

Manakala tahap emosi pelajar terhadap mencari sokongan sosial juga berada pada tahap tinggi dengan skor min adalah 4.076 dan sisihan piawai adalah 0.511 di mana 1 orang pelajar (4.5%) memiliki tahap emosi yang rendah, 9 orang pelajar (40.9%) memiliki tahap emosi yang sederhana dan 12 orang pelajar (54.4%) memiliki tahap emosi yang tinggi. Tahap emosi pelajar terhadap penyelesaian masalah juga mempunyai tahap yang sederhana dengan skor min adalah 3.909 dan sisihan piawai adalah 0.664 di mana seramai 1 orang pelajar (4.5%) mempunyai tahap emosi yang rendah, 9 orang pelajar (40.9%) mempunyai tahap emosi yang sederhana dan seramai 12 orang pelajar (54.4%) mempunyai tahap emosi yang tinggi terhadap penyelesaian masalah.

Seterusnya, tahap emosi pelajar kohort pertama terhadap kawalan diri juga sederhana dengan skor min adalah 3.546 dan sisihan piawai adalah 0.659. Ini dapat dilihat di mana 3 orang pelajar (13.5%) mempunyai tahap emosi yang rendah, 11 orang pelajar (50.0%)



mempunyai tahap emosi yang sederhana manakala seramai 8 orang pelajar (36.2%) mempunyai tahap emosi yang tinggi terhadap kawalan diri. Tahap emosi pelajar dalam menjauhkan diri juga menunjukkan tahap yang sederhana dimana skor min adalah 3.629 dan sisihan piawai adalah 0.727. Seramai 4 orang pelajar (18.1%) mempunyai tahap emosi yang rendah, 9 orang pelajar (40.9%) menunjukkan tahap emosi yang sederhana dan seramai 9 orang pelajar (40.9%) mempunyai tahap emosi yang tinggi.

Kemudian, tahap emosi dalam membuat penilaian positif adalah tinggi di mana skor min adalah 4.273 dan sisihan piawai adalah 0.605. Ini dapat dilihat seramai 1 orang pelajar (4.5%) mempunyai tahap emosi yang rendah, 6 orang pelajar (27.3%) pula mempunyai tahap emosi yang sederhana dan seramai 15 orang pelajar (68.0%) mempunyai tahap emosi yang tinggi. Tahap emosi dalam menerima tanggungjawab pula berada pada tahap sederhana di mana skor min adalah 3.894 dan sisihan piawai adalah 0.543. Seramai 13 orang pelajar (59.0%) mempunyai tahap emosi yang sederhana dan 9 orang pelajar (40.9%) pula mempunyai tahap emosi yang tinggi.

Tahap emosi pelajar dalam mengelak diri menunjukkan tahap yang rendah di mana skor min adalah 2.992 dan sisihan piawai adalah 0.610. Ini dapat dilihat seramai 11 orang pelajar (49.8%) mempunyai tahap emosi yang rendah, 9 orang pelajar (40.9%) menunjukkan tahap emosi yang sederhana dan seramai 2 orang pelajar (9.0%) pula menunjukkan tahap emosi yang tinggi. Ini bermakna penilaian tahap emosi pelajar kohort pertama program permata secara keseluruhannya adalah sederhana khususnya dalam mengatasi konfrantatif, menyelesaikan masalah yang terancang, kawalan diri, menjauhkan diri dan menerima tanggungjawab. Mencari sokongan sosial dan membuat penilaian positif adalah tinggi manakala tahap emosi pelajar mengelak diri adalah rendah keseluruhannya.

Jadual 4.23 Analisis min, sisihan piawai, frekuensi, peratusan terhadap penilaian tahap emosi pelajar

Dimensi	Tahap			Min	Sisihan Piawai
	Rendah	Sederhana	Tinggi		
<b>Konfrantatif</b>	6 (27.3)	13 (59.1)	3 (13.6)	3.242	0.553
<b>Sokongan Sosial</b>	1 (4.5)	9 (40.9)	12 (54.4)	4.076	0.511
<b>Penyelesaian Masalah</b>	1 (4.5)	9 (40.9)	12 (54.4)	3.909	0.664
<b>Kawalan Diri</b>	3 (13.5)	11 (50.0)	8 (36.2)	3.546	0.659
<b>Menjauhkan Diri</b>	4 (18.1)	9 (41.0)	9 (41.0)	3.629	0.727
<b>Penilaian Positif</b>	1 (4.5)	6 (27.3)	15 (68.0)	4.273	0.605
<b>Menerima Tanggungjawab</b>	0	13 (59.1)	9 (41.0)	3.894	0.543
<b>Mengelak Diri</b>	11 (50.0)	9 (41.0)	2 (9.0)	2.992	0.610
<b>Keseluruhan</b>		<b>Sederhana</b>		<b>3.695</b>	<b>0.412</b>

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Hasil kajian ini berhubungan dengan kesan program permata yang diikuti oleh responden kajian. Berdasarkan tujuan penubuhan program, program permata bertujuan untuk membantu perkembangan kanak-kanak dalam semua aspek (holistic) seperti sahsiah, emosi, kerohanian, intelek, fizikal serta kreativiti. Program permata ini diikuti oleh kanak-kanak berumur 2-4 tahun, oleh kerana itu kurikulum yang dibina disesuaikan dengan proses perkembangan kanak-kanak pada masa tersebut. Kurikulum yang dibina tersebut bertujuan untuk mengajarkan dan membantu kanak-kanak membina emosi, akhlak dan spiritual, kemahiran interpersonal dan sosial, memiliki kemampuan untuk menguasai kemahiran awal berbahasa, komunikasi, melatih kemahiran motorik halus dan kasar, melatih kanak-kanak untuk menguruskan diri, mengajar dan melatih kanak-kanak untuk berfikir logik, dan mengajarkan kanak-kanak untuk membina hubungan positif dengan keluarga dan masyarakat disekitarnya.

Kurikulum program permata yang dibina bertujuan untuk meletakkan dasar kemahiran hidup secara holistik untuk kanak-kanak sehingga membolehkan mereka untuk belajar dan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran diri melalui proses pembelajaran yang bakal mereka hadapi kemudian.

Hasil kajian yang dijalankan mendapati perbezaan prestasi akademik matapelajaran yang terlibat dengan Ujian Penilaian Sekolah rendah (UPSR) dalam kalangan kanak-kanak yang mengikuti kohort pertama program Permata. Berdasarkan data kajian yang diperolehi,

prestasi akademik pelajar kohort pertama program permata ini menunjukkan keputusan yang cemerlang untuk pencapaian Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Pendidikan Agama Islam, ketika berada di darjah 1, 2 dan 3 iaitu di tiga tahun pertama pembelajaran mereka di sekolah rendah. Matapelajaran Bahasa Melayu dan Matematik adalah menunjukkan perbezaan pencapaian antara darjah 1 hingga darjah 3, sedangkan matapelajaran Bahasa Inggeris dan Pendidikan Agama tidak menunjukkan perbezaan pencapaian antara darjah 1 hingga darjah 3. Untuk subjek Sains baharu diajarkan semasa darjah 4 sampai 6, dan pencapaian prestasi pembelajaran menunjukkan perubahan dan tidak stabil. Hasil kajian ini juga mendapati hanya Bahasa Inggeris sahaja yang wujud perbezaan antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar tidak belajar di taska. Namun, tiada perbezaan pencapaian prestasi akademik antara pelajar yang mengikuti kohort pertama program permata dengan pelajar yang tidak mengikuti program permata bagi matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Pendidikan Agama Islam dan Sains.

Berdasarkan data akademik yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan didapati bahawa prestasi untuk matapelajaran utama di sekolah rendah adalah biasa atau tidak menunjukkan suatu prestasi yang cemerlang dan berbeza dengan kanak-kanak yang tidak mengikuti program permata. Hasil kajian ini tidak bermakna dan menunjukkan kurikulum dan konsep program permata tidak bagus atau gagal. Hal ini disebabkan proses pembelajaran adalah sebuah proses yang berterusan dan bukan hanya dilakukan pada suatu tahapan tertentu sahaja. Program Permata dikhususkan untuk kanak-kanak berumur 2-4 tahun, setelah itu kanak-kanak ini akan meneruskan pembelajarannya di sekolah atau pusat didikan lain selama 2 tahun (Tadika) dan selepas tamat daripada tadika, mereka akan meneruskan proses pembelajarannya di sekolah rendah. Jarak antara kanak-kanak program Permata ini selesai mengikuti proses pembelajaran di PPN sehingga ke sekolah rendah lebih kurang 3 tahun. Kesan proses pembelajaran pada suatu tahapan perkembangan kanak-kanak biasanya

memberi kesan kepada prestasi pembelajaran kanak-kanak tersebut dalam masa 2-3 tahun, setelah itu kesan tersebut biasanya akan hilang atau bertukar dengan kesan baharu dari proses pembelajaran yang diikuti pada masa tersebut.

Kaedah dan persekitaran pembelajaran yang serupa dengan tahap pembelajaran sebelumnya juga sangat membantu untuk mengekalkan kesan daripada proses pembelajaran yang telah dilaluinya. Kesan program Permata pada kanak-kanak kohort pertama PAPN ini biasanya masih ada ketika mereka berada di tadika sehingga darjah satu di sekolah rendah, dan kesan ini akan mula berkurang dan bertukar dengan kesan pembelajaran yang diperoleh ketika berada di sekolah rendah. Hal ini terjadi kerana kurikulum di PAPN berbeza dengan kurikulum di sekolah rendah di Malaysia. Oleh kerana itu tidak mengejutkan apabila prestasi pembelajaran kanak-kanak kohort pertama program Permata tidak berbeza dengan prestasi pembelajaran kanak-kanak yang tidak pernah mengikuti program Permata semasa di sekolah rendah khususnya semasa darjah 4 sehingga darjah 6. Data kajian ini tidak menunjukkan bahawa kurikulum program Permata tidak berjaya, hal ini terjadi disebabkan terdapat gap masa yang panjang semasa kanak-kanak kohort pertama ini di PAPN dan semasa mereka mengikuti proses pembelajaran di sekolah rendah, khususnya semasa darjah 3 ke atas. Dapat juga dikatakan bahawa kesan pembelajaran semasa di PAPN telah berkurang atau “tiada lagi” disebabkan telah bercampur dengan kesan pembelajaran semasa di tadika dan sekolah rendah.

Sebuah kurikulum pembelajaran dapat memberi kesan yang maksimum kepada kanak-kanak apabila ianya dilakukan berterusan dalam jangka masa yang lama, contohnya konsep kurikulum program Permata digunakan sehingga peringkat sekolah rendah sehingga kanak-kanak yang mengikuti program Permata ini selama lebih kurang 10 tahun akan dididik dan dilatih menggunakan kurikulum program Permata. Kemungkinan besar objektif program Permata

ini akan tercapai kerana dasar-dasar pendidikan yang diasaskan oleh program Permata ini telah “tertanam” dalam diri kanak-kanak tersebut.

Hasil kajian mendapati sebahagian besar responden kohort pertama program Permata menunjukkan prestasi kokurikulum di sekolah rendah yang cemerlang. Kajian ini juga mendapati bahawa tiada perbezaan di antara purata tahap prestasi kokurikulum di sekolah rendah antara pelajar kohort pertama program permata dan pelajar yang tidak pernah mengikuti program permata. Hasil ini menunjukkan bahawa prestasi kokurikulum tidak dipengaruhi oleh suatu bentuk kurikulum tertentu. Kokurikulum mempunyai kurikulum khas dan berfungsi sebagai penyokong proses pembelajaran di sekolah. Oleh kerana itu, prestasi kokurikulum pelajar kohort pertama program Permata tidak dipengaruhi oleh kurikulum program Permata.

Hasil kajian mendapati bahawa sifat kepimpinan dalam kalangan pelajar kohort pertama program Permata pada tahap sederhana. Data ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran dalam kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak tidak dipengaruhi oleh kurikulum program Permata. Sifat kepimpinan merupakan suatu proses yang panjang dan bertahap. Kurikulum program Permata meletakkan dasar kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak kohort pertama, akan tetapi kemahiran tersebut tidak dapat berkembang apabila konsep dan kurikulumm kepimpinan yang sama tidak bersifat berterusan. Konsep dan kurikulum kepimpinan yang berterusan akan membentuk sifat kepimpinan dalam diri kanak-kanak.

Tahap emosi pelajar kohort pertama program permata secara keseluruhannya adalah sederhana. Seperti sifat kepimpinan, kematangan tahap emosi dalam kalangan kanak-kanak juga memerlukan proses yang panjang dan bertahap. Kurikulum program Permata meletakkan dasar pembentukan kematangan emosi melalui konsep komunikasi, saling menghormati sesama, sikap hormat pada orang yang lebih tua, sikap mengalah dan sebagainya dalam

kalangan kanak-kanak kohort pertama, akan tetapi proses kematangan emosi tersebut tidak dapat berkembang apabila konsep dan kurikulum kematangan emosi yang sama tidak diajarkan secara berterusan. Konsep dan kurikulum kematangan emosi yang berterusan akan membentuk sifat kepimpinan dalam diri kanak-kanak tersebut. Kurikulum untuk mendidik dan menubuhkan tahap kematangan dalam kalangan kanak-kanak perlu diajarkan juga di peringkat tadika dan sekolah rendah. Hal ini menyebabkan proses untuk mengajarkan dan menubuhkan tahap kematangan emosi dalam kalangan kanak-kanak lulusan program Permata dapat tercapai.

Sifat kepimpinan dan tahap kematangan emosi yang dimiliki oleh kanak-kanak kohort pertama dalam kajian ini wujud daripada pelbagai faktor diantaranya pengalaman dan proses pembelajaran semasa di sekolah rendah, proses pembelajaran dan latihan semasa mengikuti aktiviti kokurikulum, interaksi dengan guru dan rakan-rakan di sekolah rendah, dan sebagainya. Jadi kemahiran sifat kepimpinan dan tahap kematangan emosi yang dimiliki oleh kanak-kanak kohort pertama ini bukan sepenuhnya disebabkan oleh program Permata yang diikuti dahulu.

## **5.2 Rumusan**

Kajian yang dijalankan berjaya mengenalpasti kesan program Permata kepada perkembangan kanak-kanak secara holistik iaitu daripada aspek akademik, kematangan emosi dan kewujudan sifat kepimpinan. Daripada data kajian ini diketahui bahawa program ini berjaya meletakkan dasar akademik, kematangan emosi dan kewujudan sifat kepimpinan dalam diri kanak-kanak kohort pertama program Permata ini. Hal ini nampak daripada pencapaian prestasi akademik dalam matapelajaran utama sekolah rendah semasa darjah 1 dan 2 oleh kanak-kanak kohort pertama program Permata ini yang menunjukkan prestasi yang baik. Akan tetapi prestasi tersebut kemudiannya mula menurun semasa darjah 3, 4, 5, dan mula meningkat kembali semasa darjah 6. Kajian juga mendapati bahawa tiada perbezaan prestasi akademik

yang signifikan antara kanak-kanak yang mengikuti program Permata dan kanak-kanak yang tidak mengikuti program Permata. Data ini menunjukkan kesan program Permata kepada kanak-kanak bukan kesan jangka panjang, ianya lebih kepada kesan jangka pendek antara 2 tahun – 3 tahun selepas mengikuti program tersebut.

Program Permata tidak memberi kesan kepada pencapaian prestasi kokurikulum kanak-kanak kohort pertama program Permata kerana kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan prestasi kokurikulum antara kanak-kanak yang mengikuti program Permata dan kanak-kanak yang tidak mengikuti program Permata. Kokurikulum mempunyai kurikulum tersendiri dan ianya lebih kepada program sokongan pembelajaran.

Kajian yang dijalankan ini juga mendapati bahawa sifat kepimpinan dan tahap kematangan emosi dalam kalangan kanak-kanak kohort pertama berada pada tahap sederhana. Pengembangan sifat kepimpinan dan tahap kematangan adalah sebuah proses yang panjang dan bertahap, program Permata meletakkan dasar bagi membangunkan sifat kepimpinan dan menubuhkan kematangan emosi dalam kalangan kanak-kanak, akan tetapi proses tersebut harus dilakukan secara berterusan. Data sifat kepimpinan dan tahap kematangan emosi yang diperolehi daripada kajian ini berkemungkinan besar disebabkan daripada proses pembelajaran yang telah dilalui oleh kanak-kanak kohort pertama program Permata sehingga hari ini. Jadi ianya bukan hanya berpunca daripada program Permata yang pernah diikuti oleh kanak-kanak ini dahulu.



### **5.3 Cadangan**

Program Permata adalah sebuah program dengan konsep pendidikan untuk kanak-kanak yang baik akan tetapi ianya perlu ditambahbaik bagi mencapai objektif program Permata dan mendapatkan hasil yang maksimum. Cadangan bagi menambahbaik program Permata ini adalah:

1. Membangunkan sistem dokumentasi, pengukuran prestasi secara berkala dan interaksi antara guru, pelajar dan ibubapa secara atas talian.
2. Setiap awal program Permata dimulakan dengan kanak-kanak yang memiliki umur sama (2 tahun). Kanak-kanak yang mengikuti program Permata tidak daripada awal akan menyebabkan hasil yang dicapai program tidak maksimum.
3. Perlu dibangunkan kurikulum lanjutan daripada program Permata tersebut bagi mewujudkan konsistensi program tersebut sehingga ke peringkat yang lebih tinggi (sekolah menengah).
4. Membangunkan sistem penilaian secara berkala terhadap prestasi holistik pelajar bagi mengenalpasti tahap keberkesanan program Permata.

### **5.4 Kesimpulan**

Program Permata adalah program yang baik untuk meletakkan dasar kemahiran holistik kanak-kanak, akan tetapi kesan program tersebut adalah jangka pendek dan diperlukan kurikulum lanjutan sehingga program tersebut dapat dijalankan secara berterusan sampai peringkat pembelajaran yang lebih tinggi (sekolah rendah dan sekolah menengah).

## **RUJUKAN**

Group\_9. "Perkembangan emosi kanak-kanak awal (2-7 tahun)". 28 November 2010  
<http://groupdpakk.blogspot.my/2010/03/perkembangan-emosi-kanak-kanak-awal-2-7.html>.

Permata. "Program Permata Negara". 20 November 2015.  
<http://permata.dotdot.my/1/index.php>.

Utami, M.S.C., (1992). Mengembangkan Bakat dan Kreativitas Anak Sekolah. PT. Gramedia Widiasarana Indonesia. Jakarta.

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

Cabaran 1,7,8,9,10,33,35,38,39,42,43,46,47,48,52,56,57,59,60,61,64,80,83

Cadangan 3,7,9,42,43,46,48,66

**G**

Guru 56,57,76,83

Guru Pendidikan Islam 6,7,9,10,11,14,29,30,31,32,33,37,38,40,42,48,49,52,53,56,57,61,64,66,79,84,99,102

**I**

Ikhtisas 4,7,9,50,51,80,99

Iklim sekolah 56,63,64,76,88,91

Interaksi 25,26

**J** 9,11,37,38,39,40,99

JAIS

**K**

Kaedah 24,25,26,36,39,47,89

Kajian rintis 45,46

Kemahiran 27,28,29,32,34,36,37,38,52,84

Kualiti guru 68,70,93

Kurikulum 56,60,61,76

**LAMPIRAN**

**Lampiran 1(Borang Soal selidik)**

**BORANG SELIDIK TAHAP KEPIMPINAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOHORT PERTAMA PROGRAM PERMATA NEGARA**

Kepada :  
Semua responden pelajar

Borang selidik ini merupakan sebahagian daripada geran kajian Pusat Permata Negara yang bertajuk: Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program Permata Negara dari Aspek Akademik Dan Perkembangan Holistik. Dalam borang selidik ini tidak ada jawapan yang salah, semua jawapan adalah benar bila ianya bersesuaian dengan keadaan anda pada masa kini. Jawapan yang anda berikan akan dijamin kerahasiannya.

Atas bantuan dan kerjasama yang diberikan, saya ucapkan terimakasih.

Berilah tanda silang (X) pada kotak jawapan yang anda pilih daripada empat alternatif jawapan sebagai berikut :

- 1 : Bila anda **sangat tidak setuju (STS)** dengan pernyataan yang diberikan.
- 2 : Bila anda **tidak setuju (TS)** dengan pernyataan yang diberikan.
- 3 : Bila anda **netral (N)** dengan pernyataan yang diberikan.
- 4 : Bila anda **bersetuju (S)** dengan pernyataan yang diberikan.
- 5 : Bila anda **sangat bersetuju (SS)** dengan pernyataan yang diberikan.

Nama pelajar :  
Jantina :  
Umur :  
Sekolah :

Pernyataan	TP	JRG	KDG	S	SLL
1. Sebagai seorang pemimpin, saya merasa bangga terhadap rakan-rakan yang bergabung atau bekerja dengan saya.					
2. Sebagai seorang pemimpin, saya berbicara dengan penuh keyakinan tentang masa hadapan sebagai pelajar.					
3. Sebagai seorang pemimpin, saya menyarankan					

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

suatu cara kepada rakan-rakan di sekolah dalam menyelesaikan tugas.					
4. Sebagai seorang pemimpin, saya menunjukkan kekuatan dan kepercayaan diri kepada rakan-rakan di sekolah.					
5. Sebagai seorang pemimpin, saya mampu menjelaskan harapan saya secara tepat kepada rakan-rakan.					
6. Sebagai seorang pemimpin, saya mengajarkan dan melatih rakan-rakan pelajar dalam pengembangan diri mereka.					
7. Sebagai seorang pemimpin, saya membantu dalam mengembangkan kemampuan rakan-rakan di sekolah.					
8. Sebagai seorang pemimpin, saya hanya mementingkan kepentingannya sendiri daripada kepentingan rakan-rakan di sekolah.					
9. Sebagai seorang pemimpin, saya tidak tertarik memberikan visi untuk masa depan kepada rakan-rakan di sekolah.					
10. Sebagai seorang pemimpin, saya melihat dari perspektif yang berbeza ketika menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar di sekolah saya.					
11. Sebagai seorang pemimpin, saya menstimulasi rakan-rakan saya di sekolah untuk memberikan idea – idea baharu.					
12. Sebagai seorang pemimpin, saya memandang bahawa kemampuan setiap rakan-rakan adalah unik dan berbeza – beza.					
13. Sebagai seorang pemimpin, saya meminta rakan-rakan untuk melihat masalah dari pelbagai sudut.					
14. Sebagai seorang pemimpin, saya memperlakukan rakan-rakan secara privat, lebih daripada ahli kumpulan /unit kerja.					
15. Sebagai seorang pemimpin, saya melakukan tindakan yang membuat rakan-rakan menghormati					

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

saya (pemimpin mereka).					
16. Sebagai seorang pemimpin, saya dapat meyakinkan rakan-rakan bahawa tujuan organisasi sekolah akan tercapai.					

## BORANG SELIDIK STABILITI EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR KOHORT PERTAMA PROGRAM PERMATA NEGARA

Kepada :

Semua responden pelajar

Borang selidik ini merupakan sebahagian daripada geran kajian Pusat Permata Negara yang bertajuk: Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program Permata Negara dari Aspek Akademik Dan Perkembangan Holistik. Dalam borang selidik ini tidak ada jawapan yang salah, semua jawapan adalah benar bila ianya bersesuaian dengan keadaan anda pada masa kini. Jawapan yang anda berikan akan dijamin kerahasiannya.

Atas bantuan dan kerjasama yang diberikan, saya ucapkan terimakasih.

Berilah tanda silang (X) pada kotak jawapan yang anda pilih daripada empat alternatif jawapan sebagai berikut :

- 1 : Bila anda merasa **tidak pernah** melakukan.
- 2 : Bila anda merasa **jarang** melakukan.
- 3 : Bila anda merasa **kadang-kadang** melakukan.
- 4 : Bila anda merasa **sering** melakukan.
- 5 : Bila anda merasa **selalu** melakukan

Nama pelajar :

Jantina :

Umur :

Sekolah :

Pernyataan	TP	JRG	KDG	S	SLL
1. Jika ada masalah, saya menceritakannya pada orang lain.					
2. Saya tetap berusaha melakukan sesuatu ketika menghadapi masalah, meskipun mungkin tidak memberikan hasil.					
3. Pada saat menghadapi masalah atau kesukaran, saya mengatakan pada diri saya bahawa hal terburuk tidak akan terjadi pada diri saya.					
4. Pada saat menghadapi masalah, saya menjadi lebih rajin dalam mengikuti kegiatan					

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

kerohanian/keagamaan.					
5. Saya merancang setiap tindakan yang akan saya lakukan sebagai usaha untuk menyelesaikan masalah.					
6. Saya melakukan penilaian terhadap diri sendiri ketika ada masalah.					
7. Saya tidak akan membiarkan suatu persoalan mempengaruhi saya berterusan.					
8. Saya mendapatkan pengalaman berharga melalui masalah-masalah yang saya hadapi.					
9. Meskipun saya marah, saya tidak akan menunjukkannya di hadapan publik.					
10. Saya tetap berpegang pada keyakinan saya meskipun beberapa teman tidak bersetuju dengan keyakinan saya tersebut.					
11. Saya membuat rancangan dan melakukan rancangan tersebut untuk menyelesaikan masalah.					
12. Saya mencuba menyimpan perasaan saya ketika menghadapi masalah.					
13. Saya meminta bantuan daripada ibu bapa atau pengasuh ketika saya menghadapi masalah.					
14. Pada saat menghadapi masalah, saya mencuba untuk berfikir bahawa setiap masalah pasti dapat diatasi.					
15. Menurut saya, pengalaman adalah pelajaran yang paling berharga dalam menghadapi masalah.					
16. Apabila saya sedang mengalami masalah, saya berserah pada keadaan yang menekan saya.					
17. Saya yakin bahawa saya pasti berubah menjadi orang yang lebih dewasa melalui masalah-masalah yang saya hadapi.					
18. Saya mencuba untuk tidak bertindak tergesa-gesa dalam menghadapi permasalahan yang ada.					
19. Saya bertanya kepada rakan untuk mencari tahu lebih banyak tentang situasi masalah pada masa kini.					
20. Saya akan memikirkan setiap tindakan saya dengan hati-hati dalam menyelesaikan masalah.					
21. Saya mengungkapkan rasa marah saya pada orang yang menyebabkan wujudnya masalah yang melibatkan diri saya.					
22. Ketika menghadapi masalah, saya makan lebih					



Kajian Pengesanan Pelajar Lepas Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

banyak dari biasanya.					
23. Saya mencuba untuk tidak terlalu memikirkan segala sesuatu yang menekan saya.					
24. Saya merasa perlu berbicara dengan orang lain ketika ada masalah.					
25. Masalah yang saya hadapi membuat saya memikirkan kembali apa yang penting dalam hidup ini.					
26. Sedapat mungkin saya mencuba untuk menghindari situasi yang menyakitkan saya.					
27. Pada saat menghadapi masalah, saya berusaha untuk menyelesaikannya secara bertahap.					
28. Saya meminta maaf pada ibubapa atau pengasuh bila saya melanggar peraturan di rumah.					
29. Saya tidak mau memikirkan lebih jauh tentang masalah saya.					
30. Saya menjaga sikap agar orang lain tidak mengetahui bahwa saya sedang mengalami situasi yang sukar.					
31. Saya tidur lebih banyak dari biasanya jika saya menghadapi masalah.					
32. Saya akan tetap berpegang teguh pada pendirian saya, meski saya harus bermusuhan dengan orang lain.					
33. Saya menyedari bahawa saya sendirilah yang menyebabkan masalah tersebut berlaku.					
34. Saya mencuba untuk bertindak secara berhati-hati dalam menyelesaikan masalah.					
35. Saya berharap masalah yang sedang saya hadapi, segera selesai dengan sendirinya.					
36. Saya yakin Tuhan akan membantu saya dalam menghadapi masalah.					
37. Saya tidak memberitahu ibubapa atau pengasuh kalau saya pergi bermain dengan rakan-rakan sepulang sekolah, meski saya tahu hal itu sangat merbahaya buat saya.					
38. Meskipun menghadapi masalah yang berat, saya berusaha agar masalah tersebut tidak sampai mengganggu pekerjaan saya.					
39. Saya berusaha untuk belajar dari pengalaman masa lalu pada saat menghadapi masalah yang					

Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik

ssamaa.					
40. Saya meminta nasihat pada ibubapa atau pengasuh apabila mengalami masalah.					
41. Saya menolak untuk bersikap terlalu serius sehubungan dengan keadaan yang menekan saya.					
42. Saya berharap bahwa keadaan yang menekan saya akan berlalu dengan sendirinya.					
43. Ketika menghadapi masalah, saya mencuba untuk menjaga sikap terhadap teman-teman.					
44. Saya bertanggung jawab terhadap masalah yang berlaku atas diri saya.					
45. Saya berdoa ketika menghadapi masalah.					
46. Saya mencuba beberapa alternatif untuk menyelesaikan masalah.					
47. Saya mengikuti nasihat daripada rakan terdekat saya semasa menghadapi masalah.					
48. Saya berusaha untuk memperjuangkan pendirian dan keinginan saya.					

Lampiran 2 (Surat kebenaran)

## Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN  
ARAS 1-4, BLOK E8  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCELE E  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

TEL : 0388846591  
FAKS : 0388846579

---

Ruj. Kami : KPM.600-3/2/3-eras(94)  
Tarikh : 8 Januari 2018

PROF. MADYA DR. YOHAN KURNIAWAN  
NO. KP : A5749382

PUSAT PENGAJIAN BAHASA & PEMBANGUNAN INSANIAH, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
JL. KARUNG BERKUNCI NO. 1 16300 BACHOK  
KELANTAN

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH, INSTITUT PENDIDIKAN GURU, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI DAN BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

---

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan.

" KAJIAN PENGESANAN PELAJAR LEPASAN KOHORT PERTAMA PROGRAM PERMATA NEGARA DARI ASPEK AKADEMIK DAN PERKEMBANGAN HOLISTIK. "

3. Kelulusan adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari 15 Januari 2018 hingga 28 Februari 2018.

5. Tuan dikehendaki menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat pdf dalam CD kepada Bahagian ini. Tuan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak diterbitkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"SEHATI SEJIWA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Ketua Sektor  
Sektor Penyelidikan dan Penilaian  
b.p. Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

salinan kepada:-

JABATAN PENDIDIKAN PAHANG  
JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG  
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

ISBN 978-967-2484-13-4



9 789672 484134